

SULIT*

Bahagian A*Jawab dua soalan sahaja.*

1. Bincangkan sumbangan Revolusi Pertanian yang berlaku pada zaman Neolitik kepada perkembangan tamadun manusia. [25]
2. Jelaskan ciri-ciri sistem pemerintahan Republik yang diamalkan oleh pemerintah di Rom. [25]
3. Bincangkan sumbangan Kautilya dan Sun Tzu dalam bidang ketenteraan. [25]
4. Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sistem ekonomi Kapitalisme di Eropah dari tahun 1400 hingga tahun 1700 Masihi. [25]
5. Bincangkan perkembangan fahaman dan aliran pemikiran di Eropah selepas zaman Renaissance. [25]
6. Huraikan kesan-kesan perubahan terhadap sejarah dunia berpunca daripada pencapaian peneroka-peneroka Sepanyol dan Portugis pada abad ke -15 dan 16 Masihi. [25]
7. Huraikan perbezaan matlamat sistem pendidikan antara tamadun China dengan tamadun Islam. [25]
8. Bandingkan antara kesenian China tradisional dengan kesenian Islam. [25]

Bahagian B*Jadual dua soalan sahaja.*

9. Huraikan perubahan – perubahan yang berlaku dalam masyarakat Jahiliah selepas kelahiran Islam. [25]
10. Huraikan pembaharuan-pembaharuan yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz semasa pemerintahannya. [25]
11. Bincangkan aspek kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang tokoh ketenteraan dunia. [25]
12. Institusi zakat merupakan institusi yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Jelaskan fungsi dan pelaksanaan zakat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin sehingga zaman Bani Umayyah. [25]
13. Huraikan institusi dan kurikulum pendidikan pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah. [25]
14. Jelaskan bidang seni khat sebagai satu cabang kesenian dalam tamadun Islam. [25]
15. Bincangkan sumbangan Sulayman al-Mahri dan Marco Polo dalam bidang pelayaran dan geografi. [25]
16. Pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun Eropah telah memberi sumbangan yang besar dalam pencapaian tamadun dunia. Jelaskan bagaimana pertembungan tamadun tersebut. [25]

940/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

1. Bincangkan sumbangan Revolusi Pertanian yang berlaku pada zaman Neolitik kepada perkembangan tamadun manusia.

PENDAHULUAN [3m]

1. Zaman Neolitik

Kebudayaan Neolitik merupakan tahap terakhir zaman pra-sejarah dan ia dianggarkan bermula sekitar 7000 SM. Menyaksikan perkembangan kegiatan pertanian dan memelihara binatang yang dikenali revolusi pertanian. Buat pertama kalinya manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada persekitarannya tetapi, sebaliknya, berjaya menguasai persekitaran fizikal untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Berbanding dengan zaman Paleolitik, manusia mengubah corak masyarakatnya..

2. **Revolusi pertanian** telah menjadi kehidupan manusia bertambah kompleks yang memberikan suatu asas yang kukuh untuk kemunculan masyarakat bandar yang bertamadun.

ISI JAWAPAN [7 isi x 3 markah = 21 markah]

Sumbangan revolusi pertanian.

1. Konsep Revolusi Pertanian

Revolusi Pertanian ialah keupayaan manusia mengawal bekalan makanan dan menawarkan secara berterusan, penggunaan alat-alat yang khusus untuk pertanian yang lebih baik dan pemilihan jenis tanaman dan ternakan yang sesuai. Kelahiran revolusi pertanian telah memberikan kesan yang besar kepada kehidupan manusia pada zaman Neolitik dan menjadi penyambung kepada permulaan tamadun. Revolusi pertanian telah menjadi kehidupan manusia bertambah kompleks yang memberikan suatu asas yang kukuh untuk kemunculan masyarakat bandar yang bertamadun.

2. Petempatan kekal

Perubahan corak petempatan masyarakat tidak lagi berpindah-randah untuk memburu binatang dan mengutip makanan. Mereka hidup menetap dengan menjalankan aktiviti penanaman dan memelihara binatang menjadi bertambah penting untuk menampung kehidupannya. Ini mungkin ada hubungannya dengan tamatnya zaman air batu apabila binatang-binatang yang biasanya diburu lenyap dengan pengunduran lapisan-lapisan air batu. Iklim yang lebih panas serta kemunculan berbagai tumbuh-tumbuhan membolehkan manusia mengubahsuaikan ekonomi memburu kepada ekonomi pertanian. Didapati perkembangan petempatan-petempatan kekal dengan wujudnya perkampungan di kawasan yang tanahnya subur dan berhampiran air untuk kegiatan pertanian.

3. Perubahan ekonomi

Perkembangan kegiatan ekonomi. Perubahan orientasi ekonomi daripada sara diri kepada komersial. Mereka menyimpan lebih hasil untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti.

4. **Pertambahan penduduk.**

Pertambahan penduduk memang mendorong masyarakat Neolitik untuk meneroka kawasan-kawasan baru yang tanahnya yang subur untuk pertanian. Ahli kaji purba telah membuktikan kebudayaan Neolitik yang tersebar meluas. Tapak-tapak Neolitik telah ditemui di Yunani, Turki, Iran, Syria, Turkestan, Mesir, dan Eropah. Walaupun tapak-tapak itu menunjukkan corak kehidupan yang berbeza-beza tetapi pada asasnya memperoleh ciri-ciri utama yang sama seperti pertanian, menternak binatang, penggunaan tembikar, membuat rumah dan kemahiran menenun.
5. **Peralatan dan teknologi**

Peralatan yang dihasilkan lebih maju . Kebanyakan alat walaupun dibuat daripada batu adalah lebih halus dan juga diubahsuaikan dengan keperluan pertanian. Menunjukkan manusia Neolitik adalah lebih inovatif dan kreatif. Terdapat tenggala dicipta untuk memudahkan pertanian dan roda untuk mengangkut hasil pertanian. Terusan dan tali air juga dibina untuk mengairi kawasan-kawasan pertanian. Perkembangan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam bidang pertanian , perdagangan dan pengangkutan.
6. **Wujudnya pengkhususan pekerjaan**

Wujud pengkhususan kerja seperti golongan wanita yang bekerja di tanah pertanian dan lelaki yang terlibat dalam kegiatan memburu serta golongan agama berpunca daripada kepercayaan kuasa semula jadi yang menentukan hasil pertanian dan kebajikan masyarakatnya yang membuat alat-alat baru. Masyarakat mula menjalankan pelbagai jenis kegiatan ekonomi seperti perdagangan , pertanian , pertukangan dan pembuatan. Terdapat juga anggota yang berkhidmat sebagai askar yang mempertahankan negara. Pengkhususan kerja melahirkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.
7. **Agama dan Kepercayaan**

Adanya sistem agama dan kepercayaan. Agama berpunca daripada kepercayaan kuasa semula jadi dan dewa dewi yang menentukan hasil pertanian yang berlipat ganda dan dapat mencegah daripada berlakunya mala petaka dan memelihara kebajikan masyarakatnya.
8. **Kesenian**

Pemikiran secara konseptual dapat dilihat dalam ciptaan seninya yang menandakan suatu gejala baru. Seni Paleolitik ialah realisme yang diilhamkan oleh objek-objek yang ia nampak. Seni Neolitik adalah bersifat simbolisme seperti ditunjukkan dalam tembikar-tembikar yang permukaannya dihias dengan pola-pola geometrik dan simbolik. Pemikiran konseptual mungkin merangkumi nilai-nilai agama yang berkaitan dengan dewa-dewi untuk menjamin hasil pertanian dapat berlipat ganda.
9. **Wujudnya Organisasi sosial**

Pertambahan penduduk dan perkembangan ekonomi telah melahirkan masyarakat yang kompleks. Maka lahirlah susun lapis masyarakat yang berbentuk

piramid. Lapisan paling atas terdiri daripada golongan bangsawan yang diketuai oleh raja. Lapisan kedua ialah golongan pembesar yang terdiri daripada golongan pendeta, pentadbir dan golongan cendekiawan. Lapisan ketiga ialah golongan rakyat biasa dan lapisan yang terakhir ialah golongan hamba. Kemunculan pelbagai lapisan masyarakat menyebabkan lahir golongan pemerintah dan golongan yang diperintah

KESIMPULAN [2 markah]

Adalah jelas bahawa Revolusi Pertanian telah mengubah corak kehidupan dan masyarakat Neolitik dalam memberi sumbangan yang besar kepada kemunculan tamadun-tamadun seperti China, India, Mesir dan Sumeria yang menyaksikan permulaan proses perbandaran dalam sejarah tamadun manusia.

Jawapan calon yang baik ialah setiap isi dikaitkan dengan kepentingan revolusi pertanian. Jika calon gagal berbuat demikian markah maksimum bagi markah isi ialah 8

2. **Jelaskan ciri-ciri sistem pemerintahan Republik yang diamalkan oleh pemerintah di Rom.**

PENDAHULUAN [3M]

1. **Latar belakang Rom**

Tamadun Rom bermula tahun 735 Masihi , di kawasan Bukit Palatine di kawasan lurah rendah di bahagian utara tebing Sungai Tiber di Lembah Latium. Menurut legenda , Rom diasaskan oleh sepasang adik beradik Romulus dan Remus. Rom diperintah secara mutlak oleh raja-raja Etruscan yang bukan berasal daripada masyarakat Latin tempatan. Selepas penyingkiran orang Etruscan , pemerintahan Rom di bahagikan kepada zaman Republik (509-31SM) dan zaman Empayar (27M - 476M) .

2. **Pemerintahan Republik**

Diperkenalkan oleh Plato berdasarkan buku karyanya ' The Republic' yang membincangkan bahawa sesebuah masyarakat dan negara paling baik diperintah oleh ilmuan dan ahli falsafah. Republik bermaksud negara yang tidak ditadbir oleh raja tetapi diperintah oleh wakil yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Antara ciri-ciri sistem pemerintahan republik ialah tiada raja , mengamalkan pemerintahan demokrasi dan bercorak autokrasi . Terdapat 3 badan utama iaitu Konsul , Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan.

ISI JAWAPAN (5 isi x 4 markah = 20 Markah)**Ciri sistem pemerintahan Republik di Rom.**

1. **KONSUL.**

Konsul merupakan pemerintah tertinggi dalam sistem Republik dan dibentuk untuk memerintah negara dan menjamin kedaulatan dan kebajikan rakyat dan negara. Konsul dilantik dan dipilih oleh golongan bangsawan (Patrician) melalui Dewan Senat . Terdapat 2 orang konsul yang dipilih bagi mengelakkan pemusatan kuasa dan mengawasi antara satu sama lain daripada kalangan penduduk yang usia mereka melebihi 40 tahun. Jangkamasa pemerintahan konsul selama setahun .

Konsul mempunyai kuasa mutlak dalam tentera dan berhak membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang sangat penting. Konsul bertanggungjawab menggubal undang-undang negara , melaksanakan undang-undang yang telah diluluskan , sebagai ketua negara , ketua eksekutif , ketua hakim , ketua angkatan tentera dan penjaga tabungan kewangan awam. Konsul juga berkuasa memilih seramai 300 orang menjadi ahli Dewan Senat.

2. **DEWAN SENAT**

Merupakan badan pemerintah tertinggi di Rom . dianggotai oleh kira-kira sepuluh orang bangsawan (Patrician) Rom termasuk seorang bekas konsul. Menjelang abad ke 3M , jumlah tetap bilangan anggota Dewan Senat ialah 300 orang dan

berpengalaman luas dalam kerajaan. Ahli Dewan Senat digelar *senator* yang dipilih melalui Dewan Perhimpunan berdasarkan sistem pungutan suara yang diadakan lima tahun sekali.

Peranan senator ialah menasihati konsul , berunding dengan duta asing , menetapkan provinsi yang akan diuruskan oleh konsul , menguruskan kewangan dan sistem cukai , mengurangkan kewangan dan memutuskan semua persolan yang berkaitan dengan peperangan dan keamanan.

Menjelang akhir pemerintahan Republik Rom , beberapa jawatan baru telah diadakan. Jawatan itu diwujudkan untuk mengambil alih tugas Majlis seperti *Quaestors* (mengurus kewangan negara), *hakim Praetors* (mengambil alih tugas mendengar dan memutuskan kes-kes di mahkamah , *Censors* (menjalankan banci penduduk dan menyelia tanah-tanah awam), *Aediles* (menjalankan tugas-tugas polis) dan sebagainya.

3. DEWAN PERHIMPUNAN.

Dewan Perhimpunan berperanan sebagai badan induk pentadbiran , badan perundangan utama melantik konsular dan bertindak sebagai mahkamah rayuan. Juga mempunyai hak untuk mengisytiharkan perang dan membuat keputusan penting. Dewan Perhimpunan juga berfungsi membantu Dewan Senat dalam melaksanakan pemerintahan , melulus dan mengesahkan undang-undang yang diputuskan oleh Dewan Senat . Mengikuti speaker , Dewan Perhimpunan menjadi badan perundangan utama sehingga tahun 218 S.M.

Dewan ini juga dikenali sebagai Forum dan juga Dewan Orang Ramai. Ianya juga menjadi tempat rakyat berkumpul untuk mendengar laporan tentang perincian Dewan Senat. Keahlian Dewan Perhimpunan terdiri daripada semua warganegara lelaki Rom yang berumur 18 tahun ke atas. Menjelang tahun 451S.M. golongan rakyat biasa (plebeian) mendesak supaya mereka diberikan hak dalam perundangan dan pentadbiran. Desakan ini membawa kepada penubuhan Tribunal dan Undang-Undang Papan 12 Rom.

4. KEDUDUKAN RAKYAT DALAM PEMERINTAHAN REPUBLIK

Masyarakat Rom terbahagi mengikut system kasta. Hanya warganegara lelaki dewasa sahaja yang terlibat dalam pentadbiran Negara. Kelas tertinggi sekali *patricians* atau golongan bangsawan. Golongan ini ialah golongan paling berkuasa di Rom dan berhak menjadi ahli Senat Rom. Kelas kedua tertinggi ialah *equestrian* (kadangkala dipanggil kesatria). Nama mereka bermaksud penunggang kuda dan setiap *equestrian* diberi kuda dan boleh menyertai pasukan berkuda untuk bertempur bagi empayar Rom. Mereka yang ingin menjadi golongan ini haruslah kaya dan berharta. Kelas ketiga ialah golongan *plebeian*. Golongan ini merupakan majoriti rakyat Rom. Mereka terdiri daripada golongan petani kecil , artisan dan peniaga dan juga orang bebas tetapi mempunyai sedikit pengaruh dalam pentadbiran Negara. Kelas yang terendah ialah *hamba abdi*. Mereka terdiri daripada tawanan perang yang bekerja di lading , kilang dan menjadi pembantu rumah golongan atasan . Mereka tidak diberi hak langsung dan dimiliki oleh orang lain.

Secara teorinya , semua rakyat Rom adalah sama di sisi undang-undang dalam pemerintahan Republik. Realitinya, golongan *patricians* yang sangat berkuasa. Walaubagaimanapun, akhirnya golongan *Plebeians* telah mempunyai organisasi mereka sendiri yang dikenali sebagai Conciliun Plebis. Golongan ini mendapat hak politik mereka melalui undang-undang bertulis pertama Rom iaitu Hukum Kanun 12 yang dipahat pada kayu dan diletakkan ditempat awam untuk tatapan rakyat.

5. SISTEM PERUNDANGAN

Terdapat banyak undang-undang semasa pemerintahan Republik di Rom , antaranya kes-kes jenayah dikendalikan oleh Quaestores Pavidici , kes-kes pengkhinatan terhadap Negara dikendalikan oleh badan Duouiri Perduellionis. Oleh kerana terlalu banyak undang-undang , Maharaja Justinian telah mengumpulkan, menyatukan dan membukukan undang-undang. Lahirlah kod undang-undang Rom yang terdiri daripada undang-undang sivil , undang-undang rakyat dan undang-undang natural yang dikenali sebagai Undang-undang Justinian. Prinsipnya adalah semua manusia sama di sisi undang-undang , seseorang tidak bersalah sehingga terbukti bersalah , keadilan terhadap setiap individu dan hukuman berasaskan bukti yang cukup.

6. KEMUNCAK PEMERINTAHAN REPUBLIK DI ROM

Pemerintahan Republik di Rom telah membuka jalan kepada kemunculan pemerintahan diktaktor pada zaman Julius Caesar. Ianya telah menyebabkan sering berlakunya pergaduhan , pembunuhan dan perebutan kuasa. Golongan bawahan seperti petani dan rakyat mengadakan pemberontakan kerana inginkan pembaharuan ekonomi terutamanya masalah tanah. Akhirnya Julius Caesar berjaya mengalahkan musuhnya Pompey dan telah menyebabkan Dewan Senat meluluskan segala kehendaknya , dengan ini pada tahun 49 S.M. berakhir sistem pemerintahan Republik dan Julius Caesar sebagai maharaja Rom selama 5 tahun. Akhirnya beliau dibunuh oleh sekumpulan ahli Senat atas alasan beliau terlampau kuat dan muncul Octavian Augustus menjadi maharaja Rom yang pertama berbentuk empayar dengan memerintah tanah yang luas di bawah penguasaan Rom.

KESIMPULAN [2M]

Pemerintahan Republik merupakan warisan kerajaan Rom kepada tamadun dunia. Pada abad ke 5 M , Negara Rom berpecah ekoran kematian Julis Caesar dan Maharaja Augustus telah meneruskan pemerintahan berbentuk empayar dan pemerintahannya disifatkan sebagai zaman keamanan dan kegemilangan Rom yang dikenali sebagai *Zaman Pax Romana*.

3. Bincangkan sumbangan Kautilya dan Sun Tzu dalam bidang ketenteraan.

PENDAHULUAN [3m]

1. Pemikir ketenteraan ialah tokoh-tokoh yang memberikan sumbangan kepada pertahanan dan ketahanan sesebuah negara melalui falsafah pemikiran mereka. Antara tokoh-tokoh pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan ini ialah Kautilya, Sun Tzu dan Nicollo Machiavelli.
2. **Latar belakang Kautilya**
Kautilya merupakan pemikir ketenteraan agong dalam tamadun India. Beliau pernah berkhidmat sebagai menteri kepada pengasas empayar Maurya iaitu Chandragupta Maurya. Kitab yang terkenal yang dihasilkan beliau ialah *Arthasastra* dan *Science of gains*
3. **Latar belakang Sun Tzu**
Sun Tzu merupakan pemikir ketenteraan terulung dalam tamadun China. Dilahirkan pada tahun 533 S.M. di semenanjung Shantung, China Timur pada zaman dinasti Chou. Beliau pernah berkhidmat sebagai panglima tentera kerajaan Wu dan pernah menewaskan negeri Chu dan Ying. Buku yang dihasilkan *The Art of War* atau *Seni Peperangan* merupakan buku ketenteraan yang terbaik dan tertua. Buku ini mengandungi 6000 perkataan dan terdiri daripada 13 bab serta mengemukakan 13 taktik dan strategi.

ISI JAWAPAN

A. SUMBANGAN KAUTILYA [5 isi x 2m = 10 m markah]

1. **Idea Tentang Hubungan antara kerajaan pusat dengan negeri**
Buku *Arthasastra* menyarankan enam bentuk hubungan antara satu negara dengan negara lain, iaitu mementingkan keamanan, bersedia untuk berperang, membiarkan musuh melancarkan serangan pertama, melancarkan serangan pertama, bersekutu dengan musuh dan mempraktikkan dasar duaan, iaitu berbaik-baik dengan satu musuh dan menyerang musuh lain.
2. **Strategi Memenangi Peperangan**
Empat cara yang disarankan oleh Kautilya dalam memenangi peperangan iaitu memujuk musuh dengan mengadakan perbincangan, memberi rasuah, memecahbelahkan tentera musuh dengan menimbulkan persengketaan dan melancarkan peperangan jika tiga cara yang dinyatakan menemui kegagalan.
3. **Saranan Kepada pemerintah**
Pemerintah harus mengkaji kekuatan sendiri dan kelemahan musuh sebelum melancarkan serangan. Pengetahuan tentang kekuatan tentera musuh membantu seorang panglima tentera memantapkan pasukan tentera supaya setanding atau lebih baik daripada tentera musuh.

4. Komplot dan konspirasi

Menurut Kautilya, kemampuan mengatur komplot atau konspirasi lebih baik daripada kegagahan. Komplot atau konspirasi membantu memecahbelahkan musuh tanpa melibatkan diri dalam peperangan dan mengorbankan banyak nyawa.

5. Penggunaan Kaedah Subversif

Pemerintah boleh menggunakan kaedah subversif seperti merasuah dan menghantar perisik bagi menjatuhkan pihak lawan. Kautilya menyarankan agar taktik kotor digunakan apabila peperangan menemui jalan buntu.

6. Melancarkan Serangan

Serangan disarankan dilancarkan pada waktu yang sesuai bagi mencapai kejayaan dengan mudah. Serangan harus dilancarkan apabila musuh dalam keadaan lemah, menghadapi masalah makanan atau berlaku perpecahan sesama sendiri. Teks Athasastra juga menekankan kepentingan tentera untuk berjuang sehingga mati dalam usaha untuk mencapai matlamat spiritual.

7. Pendekatan pemerintah dalam medan peperangan.

Kautilya juga mengemukakan pelbagai pendekatan yang harus digunakan oleh pemerintah dalam medan peperangan. Pendekatan tersebut adalah seperti berikut :

- Memberi rasuah bagi melemahkan musuh (Dana)
- Menjalinkan perdamaian dengan negara yang lemah atau berperang dengan negara yang lemah merugikan masa (Saman)
- Melaga-lagakan musuh hingga mereka berpecah belah dan menjadi lemah (Bheda)
- Menggunakan kekerasan terhadap musuh (Danda)

B. SUMBANGAN SUN TZU (5 isi x 2m = 10 m)**1. Merancang peperangan**

Beliau menyarankan para pemerintah melakukan kajian yang teliti sebelum melancarkan peperangan kerana ia melibatkan kehilangan nyawa dan lenyapnya sebuah negara. Lima perkara harus di pertimbangkan dalam sesuatu peperangan iaitu alasan moral, bentuk muka bumi, iklim, kepimpinan dan pengendalian peperangan. Alasan moral atau *dao* amat penting bagi menentukan kejayaan dalam peperangan dan menentukan sokongan rakyat terhadap tindakan pemimpin.

2. Melancarkan Peperangan

Seorang panglima tentera harus memastikan kemenangan dicapai dalam masa yang singkat. Peperangan yang berpanjangan tidak memberi faedah kepada negara dan rakyat, sebaliknya hanya membawa kepada kemusnahan, melemahkan semangat serta memakan perbelanjaan yang tinggi.

3. Strategi Menyerang

Seseorang panglima tentera harus mengatur strategi untuk melawan musuh tanpa kekerasan. Panglima perang harus mengetahui kelebihan dan kelemahan diri

sendiri dan musuh. Kekalahan berlaku jika ada tiga kesilapan iaitu jahil dalam ilmu peperangan, urusan pentadbiran ketenteraan dan mengarah tentera mara ke hadapan atau berundur apabila tidak patut berbuat demikian. Pasukan tentera yang sampai lebih awal di medan peperangan lebih bersedia berbanding pasukan yang lewat sampai. Serangan juga dilancarkan jika pasukannya lebih kuat atau sama kuat dengan musuh. Peperangan harus dielakkan jika pasukan musuh lebih kuat.

4. Penempatan tentera

Menurut Sun Tzu, pemilihan lokasi yang baik akan menentukan kejayaan dalam peperangan. Lokasi penempatan tentera harus dirahsiakan supaya musuh tidak dapat mengesan pergerakan dan persediaan pasukan tentera. Panglima tentera harus mempunyai pengetahuan tentang bentuk muka bumi. Antaranya ialah tempat yang sempit, tempat yang tinggi, tempat yang sukar dan mudah dilalui. Khemah tentera harus didirikan di tempat yang tinggi dan larangan melakukan serangan dengan mendaki gunung.

5. Serangan menggunakan api

Beliau memberi amaran yang keras supaya mengelakkan peperangan yang menggunakan api. Strategi ini hanya digunakan dalam keadaan terdesak. Terdapat beberapa cara serangan ini boleh dilakukan iaitu membakar peralatan musuh, membakar gudang menyimpan senjata, membakar saluran makanan dan askar musuh.

6. Strategi menggunakan Pengintipan

Pengintipan dilakukan oleh pemimpin untuk mengumpul maklumat tentang musuh. Maklumat yang diperolehi daripada pengintipan membantu pemerintah mengatur strategi untuk mencapai kejayaan dalam medan peperangan. Terdapat lima jenis pengintipan iaitu pengintipan tempatan, pengintipan dalaman, pengintipan dua pihak, pengintip maut dan pengintip utusan.

7. Strategi Menggunakan Perisikan

Musuh dilemahkan dengan menggunakan ejen-ejen perisik pihak lawan harus dilemahkan dari dalam bagi menenbusi pertahanan musuh di samping menjalankan kegiatan subversif untuk melemahkan kekuatan musuh dan memisahkan musuh daripada sekutunya. Kegiatan subversif yang lain seperti menyebarkan khabar angin dan maklumat yang mengelirukan, merasuah pegawai dan mewujudkan keadaan tidak puas hati atau huru-hara. Taktik tipu muslihat juga satu taktik yang boleh digunakan untuk menghadapi musuh yang kuat.

KESIMPULAN (2 m)

Kautilya dan Sun Tzu merupakan antara pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan dalam bidang ketenteraan. Idea yang disarankan oleh tokoh-tokoh ini membantu pemerintah dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap. Idea yang dikemukakan oleh Sun Tzu mempengaruhi pemimpin barat dan dikaji oleh pakar-pakar ketenteraan China, Korea dan Jepun hingga kini. Idea beliau paling penting di Asia dan digunakan selama 200 tahun.

4. **Jelaskan faktor- faktor yang membawa kepada perkembangan sistem Kapitalisme di Eropah dari tahun 1400 hingga tahun 1700 Masihi.**

PENDAHULUAN : (3m)

1. **Zaman kemuncak Pertengahan (1050 – 1270)** merupakan zaman berlakunya pelbagai perubahan dari segi ekonomi, politik dan sosial di Eropah Barat. Perubahan tersebut menjadi asas kepada zaman Eropah Moden yang bermula dengan kemunculan gerakan Renaissance di Itali dan kemunculan negara kebangsaan.
2. **Perkembangan ekonomi di zaman Pertengahan Akhir (1270).**
 - a. Wujudnya bandar perdagangan seperti Florence, Milan dan Venice.
 - b. Pertambahan kekayaan dan asimilasi pelbagai budaya dan tradisi.
 - c. Kewujudan Kesatuan dagang dan Kesatuan Tukang yang menjadi kepentingan pedagang dan tukang.
3. **Takrif Konsep Ekonomi Kapitalisme.**
 - a. Sistem yang menggalakkan **pengumpulan modal, kebebasan ekonomi, hak milik persendirian, kebebasan pasaran dan perniagaan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.**
 - b. Membolehkan individu atau kumpulan individu berusaha **menambahkan kekayaan** dengan melabur semua keuntungan.
 - c. Melibatkan sistem **pembayaran upah kepada kaum buruh** berdasarkan prinsip persaingan perniagaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan.
 - d. Sistem pengeluaran, **pengedaran dan pertukaran secara besar – besaran** yang bercorak baru.

ISI JAWAPAN : (7 isi X 3m = 21m)

Faktor perkembangan sistem Kapitalisme.

1. Gerakan Renaissance dan Refomasi.

Gerakan Renaissance pada abad ke – 14 Masihi dan refomasi telah memperkembangkan kapitalisme. Perkembangan aliran pemikiran Individulisme, humanisme, sekularisme dan rasionalisme telah melemahkan peranan agama dalam bidang ekonomi dan melahirkan masyarakat yang mementingkan kebebasan dan kekayaan kebendaan. Masyarakat di bandar Milan, Venice dan Florence telah mendorong kepada kelahiran sistem ekonomi kapitalisme melalui aktiviti pinjman, pelaburan dan pertukaran wang.

2. Fahaman Calvinisme.

Gerakan reformasi yang dibawa oleh John Calvin dalam pemikiran agama Kristian di Eropah telah mendorong kepada perkembangan ekonomi kapitalisme. Ajaran Calvin membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras. Fahaman ini menyebabkan negara Protestan mengenyepikan Canon Law dan embolehkan pedagang membebaskan diri daripada kawalan padri dan peraturan lama.

3. Kemunculan Negara bangsa.

Raja – raja negara bangsa merupakan penggerak kepada perkembangan sistem kapitalisme. Setiap buah negara bangsa berlumba – lumba untuk mengumpulkan kekayaan. Untuk tujuan itu penjelajahan dan penerokaan ke kawasan baru digalakkan. Putera Henry dari Portugal Raja Ferdinand dari Sepanyol telah mebiayai dan memberikan galakkan kepada aktiviti tersebut.

4. Dasar Merkantalisme.

Revolusi perdagangan melalui campurtangan kerajaan negara – negara bangsa pada abad ke – 16 dan ke – 17 telah menggalakkan pertumbuhan kekayaan dalam negara. Menerusi dasar ini, kerajaan berusaha mewujudkan sektor pertanian dan perindustrian yang produktif dan pasaran yang luas. Untuk tujuan tersebut kerajaan mengadakan dasar melindungi pelabur dan pedagang tempatan. Ratu Elizeberth (1558 – 1603) telah memperkenalkan akta seperti Akta Perantis 1563, Undang – undang kemiskinan 1600, Akta Perkapalan 1650.

5. Dasar Kolonisme.

Perluasan dasar merkantalisme membawa kepada koloni ke atas kawasan di timur dan Amerika Latin. Ini memperluaskan lagi sistem ekonomi kapitalisme. Kekayaan koloni mengalir ke Eropah.

6. Perkembangan Institusi Kewangan.

Perkembangan Industri bank berlaku setelah amalan riba diterima oleh masyarakat Eropah menerusi institusi ini kemudahan pinjaman dan kredit (pemabayaran melalui cek) membolehkan pedagang dan pelabur membuat pelaburan modal dengan membesarkan perniagaan mereka. Kesanya lahir golongan kapitalisme yang terdiri daripada pemilik kilang, tuan tanah dan pengusaha lombong. Di samping itu sistem bank juga merupakan satu perniagaan yang menguntungkan. Keuntungan yang diperolehi melalui pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang telah melahirkan golongan kapitalisme. Keluarga Fuggers dan Ausgurg dan keluarga Medici merupakan keluarga yang terkenal dalam perniagaan institusi kewangan di Eropah.

7. Perubahan dalam Organisasi Perniagaan.

Di zaman pertengahan, aktiviti perdagangan dan pengeluaran dimiliki oleh individu dan keluarga. Kesatuan Tukang dan kesatuan Dagang terikat dengan peraturan adat yang lebih mementingkan kebajikan sosial. Bermula pada abad ke – 16 berlaku perubahan dalam organisasi perniagaan dengan penubuhan syarikat perniagaan Regulated dan Joint Stock. Ahli PR mengeluarkan modal dan menanggung kerugian. JS ialah syarikat yang modalnya disumbangkan oleh pemegang saham awam dan diuruskan oleh badan pengarah. Syarikat England (1576) merupakan syarikat regulated yang berdagang di laut Baltik. Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) 1660 merupakan syarikat joint stock yang terkenal. Dengan modal yang besar dan kedudukan yang kukuh, membolehkan syarikat menyediakan kemudahan perdagangan dan mendapatkan perlindungan ketenteraan.

Kewujudan organisasi tersebut memperkukuhkan lagi sistem ekonomi kapitalisme di Eropah.

KESIMPULAN : (1 markah)

Sistem ekonomi kapitalisme semakin penting di Eropah barat apabila berlakunya Revolusi Industri yang bermula pada abad ke – 18. Menerusi sistem ini negara Eropah menjadi kaya dan menguasai ekonomi dunia.

5. Bincangkan perkembangan fahaman dan aliran pemikiran di Eropah selepas zaman Renaissance

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Gerakan Renaissance telah membuka jalan kepada kelahiran pemahaman dan aliran pemikiran baru di Eropah seperti individualisme, humanisme, sekularisme, nasionalisme, rasionalisme, dan absolutisme.
2. Ia telah membuka Eropah kepada dimensi pemikiran baru yang berkembang dan membawa kemajuan kepada Eropah.

ISI JAWAPAN (5 isi X 4 markah)

1. Humanisme

- Merupakan fahaman yang mengkaji mengenai manusia, idea, dan kesenian klasik. Ia mementingkan kehidupan di bumi nyata daripada akhirat.
- Tokoh terkenal seperti Petrarh (1304-1374) dan Dante (1265-1321) menekankan kehidupan dunia nyata lebih penting sama seperti masyarakat Yunani dan Rom.
- Kumpulan ini mengkritik raja dan kepuraan2 paderi yang memimpin gereja seperti yang diutarakan oleh Erasmus dalam bukunya "Praise of Folly"
- Thomas more melalui "Utopia" mengkritik raja England dan menganjurkan kesamaan sesama manusia.

2. Individualisme

- Fahaman individu yang sentiasa cuba untuk memperbaiki taraf hidup diri sendiri tanpa sekatan oleh sesiapa.
- Fahaman ini bertentangan dengan fahaman zaman tersebut yang menyatakan sebarang perubahan bergantung kepada kedudukannya dalam sistem feudal.
- Individualisme dapat diperhatikan di bandar2 Itali zaman Renaissance.
- Perkembangan fahaman ini membolehkan individu menyedari potensinya untuk berjaya.

3. Sekularisme

- Fahaman dimana kurangnya pengaruh agama dan bertambahnya pengaruh kebendaan.
- Ia bertapak di bandar2 Itali apabila fahaman kebendaan mempengaruhi zaman berkenaan.
- Fahaman ini juga menekankan keseronokan, kebebasan nilai, fahaman mengenai sains, ukuran empirikal, kebolehan manusia menguasai alam sekitar serta kurang pengaruh agama dan pemisahan agama dari politik dan kerajaan.

4. Nasionalisme

- Wujud pada abad ke 15M dan menjadi jelas selepas revolusi Perancis yang menekankan kesetiaan sepenuhnya kepada negara bangsa.
- Fahaman yang menekankan pembentukan negara bangsa berasaskan sesuatu satu bangsa, satu bahasa, kesedaran kebangsaan serta kuasa dan kedaulatan ditangan rakyat

- Umumnya bermaksud cinta kepada negara dengan objektif kebenaran politik dan kemajuan ekonomi

5. Rasionalisme

- Lahir dari revolusi Sains pada abad ke 15M yang menekankan bahawa kegiatan di dunia boleh dianalisis dan diubah. Ia sebagai kaedah teknik untuk mencari jawapan melalui observasi dan percubaan.
- Percaya bahawa alam semulajadi harus dikuasai dan tunduk kepada tujuan manusia.
- Fahaman bersifat logik akal yang menolak tahyul dan dogma agama. (dosa pahala, neraka syurga dsb)
- Kepercayaan kepada akal fikiran yang membawa penemuan baru seperti Hukum Graviti oleh Issac Newton (1665M)
- Penyelidikan kini berasaskan percubaan, logik, dan ilmu matematik. Keupayaan manusia memulakan Zaman Kewarasan (Age of Reason) pada abad ke 18M.

6. Absoluteisme

- Fahaman hasil gerakan reformatisme yang menamatkan dominasi gereja dalam politik
- Pemerintahan pada zaman ini beranggapan mereka memerintah dengan mendapat mandat tuhan (Divine Origin)
- Ia bermula di England (James II) dan Perancis (Louis XIV)
- Pada abad ke 18 Teori Kontrak Sosial oleh Resseau yang mendokong falsafah kedaulatan rakyat dan suara rakyat telah menggantikan suara tuhan.

KESIMPULAN (2 markah)

Perkembangan fahaman dan aliran pemikiran di Eropah telah menguasai dunia. Masyarakat Eropah telah berfikiran terbuka dan memulakan usaha untuk memajukan diri dan bangsa. Kesannya masyarakat Eropah mula keluar dan melakukan penjelajahan dan penerokaan serta akhirnya menguasai dunia.

6. Huraikan kesan-kesan perubahan terhadap sejarah dunia berpunca daripada pencapaian peneroka-peneroka Sepanyol dan Portugis pada abad ke -15 dan 16 Masihi.

PENDAHULUAN (3 m).

1. Pada pertengahan kurun ke – 15 masihi, orang – orang Portugal telah menjumpai pulau – pulau Madeira dan Azores di Lautan Atlantik dan berjaya menerokai kawasan pinggir Afrika barat sehingga Guinea. Pada tahun 1497, Vasco da Gamma berjaya mengelilingi Benua afrika dan belayar ke India manakala pada tahun 1492, seorang Genoe, Christoper Columbus telah menyeberangi Laut Atlantik dan mendarat di Lautan Hindia Barat yang dipercayai sebahagian Benua Asia. Pencapaian mereka memang membuka suatu tahap baru dalam sejarah dunia dengan berlakunya banyak perubahan. Ahli sejarah pernah menyatakan bahawa pencapaian mereka telah merupakan titik permulaan sejarah Eropah Moden.
2. Peranan Putera Henry dan Ferdiand menggalakkan penerokaan dan penjelajahan.
3. Faktor – faktor yang menggalakkan penjelajahan dan penerokaan. Di antara faktor tersebut ialah tiga ‘G’

ISI JAWAPAN (21 m = 7 isi x 3 m).

Kesan-kesan perubahan hasil penerokaan terhadap sejarah dunia.

1. **Perluasan tanah jajahan.**
Buat pertama kalinya kuasa – kuasa Eropah telah berjaya memperluaskan kuasa tanah jajahannya di luar Eropah. Di Benua Asia, Portugal telah menubuhkan empayar maritim yang menguasai jalan luar di Lautan Hindi, Asia Tenggara sehingga negeri China.
2. **Wujud jaringan perdagangan di Asia.**
Perdagangan di Asia didominasi oleh Portugal melalui satu jalinan pusat kuasa dan perdagangan di pelabuhan – pelabuhan strategik seperti Socotra, Hormuz, Aden, Goa, Melaka, Moluccas dan Macao. Pada kurun ke – 16, Portugal telah muncul sebagai kuasa perdagangan yang dominan – di Asia Tenggara, di Timur Jauh dengan Jepun dan China dan di Eropah berjaya menggantikan peranan Venice sebagai kuasa perdagangan.
3. **Perkembangan agama Kristian luar Eropah.**
Dari pusat – pusat itu, agama kristian juga tersebar terutamanya oleh golongan Francisian. Penaklukan dan pemerintahan diikuti dengan penyebaran agama Kristian. Melalui Gereja Khatolik, unsur – unsur kebudayaan Sepanyol seperti bahasa dan cara kehidupan telah diperkenalkan kepada orang – orang tempatan.
4. **Pengaliran kekayaan ke Eropah.**
Berikutan daripada penjelajahan Columbus, orang – orang Sepanyol mulai menduduki beberapa kawasan di Hindia Barat, iaitu Hispaniola dan cuba dengan bermotif memperolehi tanah untuk pertanian dan emas. Herman Cortes merampas

Mexico daripada Aztec. Dataran Tinggi Mexico adalah kaya dengan emas dan sesuai sekali untuk pertanian perladangan. Pada tahun 1531, Pizarro menakluki Peru yang lombong perakunya di Potosi adalah sumber kekayaan kepada Eropah selama tiga kurun. Menjelang 1700 TM, tiga kawasan utama telah diduduki : Mexico, Peru dan Kepulauan Caribbean dan pengendalian ekonominya tertakluk kepada kepentingan Sepanyol.

5. Perpindahan pusat perdagangan ke Eropah Barat.

Kesan – kesan ke atas Eropah boleh dilihat daripada beberapa sudut. Pusat – pusat perdagangan di Eropah yang dahulunya bertapak di Eropah selatan mulai berpindah ke Eropah Barat, iaitu Lisbon, Bordeix, Liverpool, Bristool dan Amsterdam. Antara barang – barang import ialah makanan dari Amerika Selatan yang dapat menyumbang kepada pertambahan bilangan penduduk di Eropah.

6. Kelahiran ekonomi Kapitalisme.

Kekayaan dari koloni – koloni yang mengalir ke Eropah akhirnya memberi sesuatu asas yang kukuh untuk kelahiran ekonomi kapitalisme. Kapitalisme bermula dengan revolusi komersil yang menitik beratkan pasaran eksport, modal persendirian, keuntungan dan penindasan tenaga buruh murah. Pada jangkamasa panjang, penjelajahan dan penerokaan menandakan titik perubahan daripada ekonomi feudal kepada ekonomi kapitalisme.

7. Kesan sosial ke atas masyarakat Eropah dan koloni.

Penjelajahan juga membawa banyak kesan – kesan buruk kepada masyarakat eropah dan koloni. Di eropah, kekayaan baru kian meningkatkan kadar kos kehidupan dengan kenaikan barang – barang keperluan. Juga mempertajamkan jurang perbezaan sosial – memperketatkan stratifikasi masyarakat mengikut kekayaan. Di koloni, kedatangan orang – orang Eropah telah memperkenalkan penyakit – penyakit baru yang membawa kepada kenaikan kadar kematian orang – orang tempatan.

8. Mempercepatkan kemerosotan pengaruh perdagangan Islam.

Penguasaan perdagangan di Laut Mediterranean dan Lautan Hindi oleh pedagnagn Islam telah merosot kesan daripada pnerokaan kuasa Eropah terutamanya Portugis.

9. Perubahan Ekologi.

Dari segi flora dan fauna dengan beberapa jenis pokok dan binatang dari Asia dan Eropah diperkenalkan ke Amerika Utara dan Selatan dan sebaliknya. Misalnya jagung, tomato, ubi kentang dan ayam.

10. Asimilasi antara penjajah dengan penduduk tempatan.

Berlakunya kahwin campur antara penjajah dengan penduduk tempatan contohnya di Amerika Selatan dan Filipina, Bahasa sepanyol mempengaruhi penduduk tempatan.

PENUTUP (2 markah)

Kesimpulannya, aktiviti penjelajahan dan penerokaan Sepanyol dan Portugis dalam abad ke-15 dan 16 Masehi menyebabkan berlakunya tranformsi dalam sistem politik,ekonomi, sosial, agama dan budaya masyarakat dunia.

7. Huraikan perbezaan matlamat sistem pendidikan antara tamadun China dengan tamadun Islam.

PENDAHULUAN [3M]

1. Pengertian pendidikan

Proses pendidikan manusia berbentuk formal atau tidak formal bermula dengan kebangkitan manusia bertamadun. Tetapi objektif-objektif dan institusi-institusi adalah berlainan dari tamadun ke tamadun dan juga berlainan dari masa ke masa. Pendidikan adalah berkait rapat dengan keperluan politik, agama dan sosial serta aliran pemikiran tentang konsep ilmu dan pendidikan di suatu tamadun atau negara. Institusi-institusi pendidikan juga dibina mengikut objektif-objektif itu dan memang membayangkan proses penginstitutionan ilmu yang ditentukan oleh keperluan politik, kebudayaan dan agama.

2. Latar belakang Tamadun Islam

3. Latar belakang Tamadun China

ISI JAWAPAN

MATLAMAT SISTEM PENDIDIKAN CHINA [5 ISI X 2 M = 10 M]

1. Pendidikan di China tradisional bertujuan memenuhi keperluan kerajaan demi kepentingan memberikan suatu asas yang kukuh untuk mengekalkan kuasa politik, birokrasi dan kedaulatan maharaja serta mengekalkan keharmonian masyarakat dan ketaatsetiaan rakyat terhadap raja dan negara. Pendidikan sebenarnya tidak menggalakkan pemikiran bebas rakyat bawahan atau golongan atasan tetapi sebaliknya bertujuan membendung pemikirannya supaya dapat memupuk hubungan eratnya rakyat dengan kerajaan, menjamin kestabilan sistem politik dan keharmonian masyarakat. Fahaman Confucianisme telah menjadi asas ideologi politik dan kurikulum pendidikan China sejak Dinasti Han untuk mewujudkan sekelompok elit (Scholar-gentry) yang telah menyerap nilai-nilai moral dan etika Confucianisme yang akan menyokong dan memperkukuhkan status politik Maharaja China dan kerajaannya.
2. Bertujuan menegakkan hubungan persaudaraan dan kepentingan nilai kekeluargaan iaitu sifat-sifat ketaatan terhadap ibu bapa dan orang tua dan penghormatan terhadap pegawai-pegawai kerajaan. Untuk memupuk nilai-nilai moral dan etika yang diperlukan oleh pihak pemerintah maka kurikulum pendidikan adalah berdasarkan Sembilan Buku Suci, iaitu Five Classics dan The Four Books. Five Classics adalah Shu Ching (Book of History), Shih Ching (Book of Poetry), Yi Ching (Book of Changes), Li Chi (Book of Rites) dan

Chun-Chiu (Spring and Autumn Annals). The Four Books terdiri daripada Annalests, Great Learning, Doctrine of the Mean, dan Works of Mencius

3. Pada keseluruhannya, pendidikan China dianggap sebagai kayu ukur untuk membezakan golongan elit (pemerintah) daripada golongan massa (diperintah). Menurut pemikir Confucianisme, elit yang berpendidikan tinggi adalah Chun tze atau manusia yang unggul (the super or man) dan oleh kerana itu rakyat haruslah menghormati Chun-tze. Jadi, pendidikan boleh dianggap sebagai penentu peranan dan hierarki masyarakat China tradisional.
4. Sejak Dinasti Han sistem peperiksaan awam telah diwujudkan untuk memilih pegawai kerajaan (birokrasi). Calon-calon yang cemerlang dalam peperiksaan boleh dilantik memegang jawatan kerajaan di ibu kota dan wilayah. Sistem ini dikekalkan sehingga kejatuhan Dinasti Ching pada tahun 1911 TM.
5. Menyebarkan pemikiran dan falsafah pemikir-pemikir China seperti Kung Fu tze, Lao Tze dan Mo Tze

MATLAMAT SISTEM PENDIDIKAN ISLAM [5 ISI X 2 M = 10 M]

Tujuan am terdiri daripada lima perkara iaitu

1. "Untuk mendapat keredaan Allah (swt) dengan menjauhi kemurkaan dan seksaan-Nya serta mengabdikan diri dengan tulus ikhlas kepada Nya." Tujuan ini dianggap induk daripada semua tujuan pendidikan Islam.
2. Untuk membentuk akhlak yang mulia. Pendidikan akhlak adalah inti pendidikan Islam dan menjadi tujuan sebenar pendidikan.
3. Memperkenalkan kepada manusia, tentang hubungan sosial dan tanggungjawab dalam rangka suatu sistem sosial.
4. Meningkatkan semangat ilmiah dan memperlengkapkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu supaya dapat menguasai kerjaya hidup.
5. Persiapan untuk kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat.
6. Mengenal hakikat diri manusia sebagai hamba dan Allah swt sebagai khaliq iaitu pencipta.

KESIMPULAN [2M]

Adalah jelas bahawa kedua-dua sistem pendidikan di China dan Islam di Timur Tengah adalah berlainan dari matlamat. Pendidikan China adalah bersesuaian dengan sebuah kerajaan politik sekular manakala pendidikan Islam adalah untuk memenuhi aspirasi-

aspirasi sebuah kerajaan teokrasi yang mementingkan agama Islam sebagai asas penyatuan umat Muslimin di seluruh dunia Islam di Timur Tengah.

8. Bandingkan antara kesenian China tradisional dengan kesenian Islam.

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Konsep kesenian
2. Latar belakang kesenian China bermula pada zaman dinasti Shang dan corak perkembangannya membayangkan keadaan dan keperluan sebuah dinasti.
3. Latar belakang kesenian Islam bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan semakin berkembang pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin , Bani Umayyah , Bani Abbasiyyah dan zaman seterusnya.
4. Perkembangan kesenian Islam seiring dengan ajaran islam yang menggariskan sempadan dalam hal-hal meluahkan perasaan.

ISI JAWAPAN (5 X 4markah)

1. Objektif

China

- Kesenian mencerminkan pemahaman terhadap dunia semulajadi melalui seni lukis mengenai pemandangan alam (landscape painting) , buluh , burung dan bunga.
- Unsur ini merupakan aspek Taoisme-metafizika dalam seni lukis China

Islam

- Hubungan agama dengan kesenian saling berhubung rapat untuk mengagungkan keindahan ciptaan Allah
- Berlatar belakangkan kesatuan akidah seperti yang diamalkan pada zaman kerajaan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah
- merupakan usaha umat Islam menghasilkan sesuatu yang indah selaras dengan fitrah manusia suka kepada keindahan dan kecantikan.
- Konsep keindahan yang lahir akan menimbulkan rasa gembira , menyenangkan , memuaskan dan dihargai.

2. Agama

China

- Bertujuan mencapai keharmonian dengan Syurga.
- Kesenian China berkait rapat dengan upacara keagamaan dan konsep pengorbanan.
- Orang China menyembah dewa dewi dan roh nenek moyang yang dipercayai mempengaruhi kehidupan mereka. Contoh penggunaan pinggan mangkuk dan tembikar berwarna putih yang direka khas dalam upacara agama dan mempunyai ukiran patung.

Islam

- Dapat memperkuatkan semangat tauhid dan takwa kepada Allah s.w.t.

bertujuan mengagungkan Maha Pencipta menerusi keindahan hasil-hasil kesenian spt seni kaligrafi yang menggunakan ayat-ayat suci Al Quran.

- Pencapaian dan pembangunan seni bina zaman Nabi dan Khalfah al-Rasyidin membangkitkan keimanan dan merendah diri kepada Allah s.w.t. sebagai pencipta.

3. Moral

China

- Mempunyai unsur moral dan etika
- Satu saluran untuk menggambarkan sifat sesuatu objek dengan aliran perasaan manusia dan mempunyai hubungan yang penting dalam mencorakkan seni lukis China yang menggambarkan tema-tema yang tertentu.
- Contoh:
seni lukis China banyak ditemakan dalam cara kehidupan golongan sarjana terutama daam pelantikan mereka sebagai pegawai kerajaan , perpisahan dan penemuan semula

Islam

- Kebanyakan hasil kesenian Islam menggambarkan unsur moral seperti membentuk akhlak yang baik serta menjauhi sifat-sifat negatif.
- Menerapkan unsur keadilan dan kesamarataan sesama manusia berpaksikan akidah , akhlak dan niat mendapat keredhaan Allah swt.

4. Simbol dan reka bentuk

China

- Menggambarkan aspek-aspek peperangan , kekerasan dan kematian.
- Berbentuk simbolik kerana suatu yang dilukis mewakili bahagian keseluruhan kesenian
- Contoh :
Buluh lambang sifat semangat jiwa dan jiwa seorang sarjana tersebut.
Jed melambangkan unsur ketulian (purity) dan keabadian (eternity)
Naga mewakili kewibawaan maharaja
Burung jenjang (crane)melambangkan umur panjang (longevity)

Islam

- Melambangkan kegemilangan tamadun Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. , zaman para sahabat , kerajaan Bani Umayyah dan Kerajaan Bani Abbasiyah serta Kerajaan Turki Uthmaniyyah . Kesenian Islam banyak terdapat dalam seni bina bangunan masjid, madrasah , istana , pasar dan rumah.
- Lambang keagungan Maha Pencipta menerusi keindahan hasil kesenian seperti kaligrafi Islam yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran.
- Ukiran juga menonjolkan imej geometri , seni khat , bentuk hiasan alam semulajadi (tidak bernyawa).
- Seni lukis Islam tidak berbentuk sesuatu lembaga yang bernyawa sebaliknya bercorak daun pokok dan bunga dan tidak terlalu abstrak sehingga sukar difahami.

5. Status

China

- Melambangkan perbezaan kelas dalam masyarakat (kelas bangsawan.)

- Semasa Dinasti Chou bidang kesenian berkait rapat dengan istana feudal dan maharaja.
- Zaman Dinasti Han , bidang kesenian berkembang di bawah naungan kelas tuan-tuan rumah , saudagar dan sarjana Konfucian dalam bidang kaligrafi , puisi , lukisan dan muzik
Contoh pada zaman Dinasti Shang pembinaan rumah di bandar mempunyai tiang besar di tengah-tengah rumah dan di kelilingi tiang kecil

Islam

- Melambangkan kegemilangan tamadun Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. , zaman para sahabat , kerajaan Bani Umayyah dan
- Kerajaan Bani Abbasiyah serta Kerajaan Turki Uthmaniyyah
- Kesenian Islam banyak terdapat dalam seni bina bangunan masjid, madrasah , istana , pasar dan rumah.

6. Perbandingan lain**China**

- Banyak mengabadikan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah seperti maharaja China memerintahkan supaya mengukir patung menyerupai Ibn Batuttah yang pernah melawat China.

Islam

- Seni muzik dalam Islam diizinkan selagi tidak melampaui batasan agama. Muzik yang mengkhayalkan diharamkan.
- Seni sastera dibenarkan dalam Islam melalui bahasa dan kata-kata indah yang mempunyai unsur pengajaran dalam bentuk prosa dan nasyid.

KESIMPULAN (2 markah)

Ciri utama yang membezakan kesenian Islam dan kesenian China adalah dari segi konsep dan amalannya. Kesenian Islam lebih menjurus kepada mentauhidkan Allah s.w.t. sebagai pencipta manakala kesenian Cina mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan bangsawan dan keperluan moral.

❖ *Soalan perbandingan ini memerlukan penanda wacana/ wacana banding.*

BAHAGIAN B**9. Huraikan perubahan – perubahan yang telah berlaku dalam masyarakat Jahiliah selepas kelahiran Islam.****PENDAHULUAN (3M)**

1. Makna dan cara hidup bangsa Arab Jahiliah.
2. Definisi Jahiliah
3. Definisi Islam
4. Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w dan membawa pengajaran Islam.

ISI JAWAPAN (7isi x 3m = 21markah)**Aspek – aspek perubahan .****1. Aspek agama (kepercayaan).**

Jahiliyah - menganuti pelbagai agama dan banyak tuhan (politsme) seperti berhala , majusi , yahudi , tahyul dll

Islam – konsep mengesakan Allah berpandukan kepada al-Quran dan hadis dalam semua urusan kehidupan. (rukun iman dan rukun Islam)

2. Akhlak dan moral

Jahiliah – Bejat akhlak kerana berpaksikan nafsu seperti berzina, membunuh, membunuh anak-anak perempuan, berdendam dll.

Islam – mengaplikasikan sifat-sifat terpuji (mahmudah) dan menjauhi sifat-sifat tercela (mazmumah) yang menekankan konsep amal maaruf dan nahi mungkar.

3. Aspek Politik:

Jahiliah – Politik cacamarba - tidak teratur dan bersistematik serta sentiasa dijajah dan diganggu gugat oleh bangsa – bangsa asing seperti Rom dan Parsi terutamanya di Wilayah – wilayah sebelah utara. Bagi wilayah – wilayah di sebelah selatan pula, sentiasa dijajah oleh orang Habsyah, Rom dan Parsi. Mengamalkan sistem kabilah (syeikh kabilah – asabiyyah)

Islam - Pemerintahan berteraskan syariat seperti penekanan kepada keadilan, perpaduan, kerjasama, kepatuhan kepada pemimpin. Syura, Piagam Madinah , Undang2 Islam dan Negara Islam Madinah

4. Aspek ekonomi.

Jahiliah – Ekonomi yang menindas seperti menipu, riba, merampas harta orang lain (merompak) berjudi, menjual hamba dan berhala. Ekonomi dieksploitasi oleh kuasa-

kuasa besar (Rom dan Parsi). Perdagangan sehala oleh masyarakat hadari ke atas kaum Badwi.

Islam – Sistem ekonomi Islam menentang penindasan , jujur , amanah, tolong menolong, pengharaman riba , konsep zakat dan sedekah , halal dan haram

5. Aspek Kesusasteraan:

Jahiliah - Pandai bersyair, bersajak dan berkhotbah (berceramah) tetapi hasil – hasil karya mereka itu adalah berbentuk sastera kreatif – penuh cacian atau pujian yang berlebihan terhadap wanita, arak dan pemimpin. Tujuan hanya berseronok. Hasil karya kreatif berdasarkan pengalaman dan khalayan semata-mata.

Islam – berbentuk ilmiah dan Kritis. Berteraskan kebenaran al – Quraan dan hadis. Hasil karya memuji dan membesarkan Allah s.w.t

6. Aspek ilmu pengetahuan

Jahiliah – Sedikit ilmu pengetahuan, majoriti masyarakat buta huruf dimana hanya 17 org sahaja yang tahu membaca dan menulis. Penyebaran ilmu terhad kepada pedagang. Berbentuk lisan hanya berdasarkan ingatan dan hafalan. Justeru, mudah luput dan hilang

Islam - Mewajibkan menuntut ilmu, ilmu berteraskan wahyu (al-Quran dan hadis) . bersifat ilmiah untuk mencari kebenaran. Orang berilmu digolongkan mempunyai darjat yang tinggi disisi Allah dan dihormati oleh masyarakat.

7. Sosial

Jahiliah – Mementingkan status – quo, memuliakan golongan atasan dan menghina golongan bawahan. Mengamalkan sistem penghambaan , kedudukan wanita hina , sering berperang kerana semangat assabiyyah berlebihan.

Islam – Mementingkan persamaan taraf , hamba hapus , wanita terbiha , semangat ukhuwwah islamiyyah, bantu membantu, hormat menghormati dan menjamin kebebasan hak dan beragama.

8. Peperangan

Jahiliyah - Sering berperang walaupun berpunca daripada sebab yang kecil (remeh). Contoh Perang Basus. Tujuan berperang untuk membalas dendam , berebut kuasa atau kawasan atau wanita. Tiada etika perang.

Islam – Mempertahankan diri, harta, negara dan agama. Berperang adalah langkah terakhir setelah tawaran dan perundingan gagal. Memperkenalkan konsep jihad dan syahid. Menetapkan etika perang yang asaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

KESIMPULAN : (1m)

Islam telah merubah system kehidupan masyarakat jahiliah secara menyeluruh setelah menerima taufik dan hidayah Allah s.w.t. Ini menunjukkan bahawa Islam telah membawa masyarakat Jahiliah kepada kehidupan yang mulia dan bertamadun tinggi.

10. Huraikan pembaharuan-pembaharuan yang telah dikakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz semasa pemerintahannya.

PENDAHULUAN (3 Markah).

1.Latar belakang Umar Abd Aziz

Merupakan khalifah bani Umaiyah yang kelapan. Dilahirkan pada tahun 681M di Kaherah. Beliau menaiki takhta pada tahun 717 M.

Beliau mempunyai darah keturunan Khalifah Umar al-Khattab. Terkenal sebagai seorang yang warak dan patuh kepada ajaran Islam. Beliau telah menghafal al Quran sejak kecil dan mendalami ilmu hadis, sastera dan syair-syair Arab di kota Madinah. Beliau melakukan beberapa pembaharuan dalam pentadbiran dan dasar kerajaan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat sepanjang pemerintahan beliau

2.Latar belakang Bani Umaiyah

ISI JAWAPAN (7 isi x 3m = 21 Markah)

Pembaharuan dilakukan oleh Umar B Abd Aziz

1. Menghentikan pemberontakan dan kegiatan perang.

Setelah Umar b Abd Aziz dilantik sebagai khalifah, beliau telah mengarahkan supaya semua kegiatan perang, penalukan ke atas golongan bukan Islam dan semua pemberontakan Islam dihentikan. Ia bertujuan untuk menjalin hubungan baik antara semua pihak dan juga memberi peluang rehat untuk tenteranya serta mewujudkan keamanan. Contohnya golongan pemberontak Khawarij telah menghentikan pemberontakan mereka ke atas Kerajaan Umaiyah.

2. Pelantikan Gabenor

Memecat gabenor yang cuai, zalim dan mementingkan diri sendiri akan dipecat. Contohnya Muhammad bin Yusuf (Yaman) dan Yazid Abu Muslim (Afrika Utara). Hanya pegawai yang layak sahaja akan dilantik.

Gabenor yang dilantik perlu mengisytiharkan harta masing-masing. Sekiranya ada kurniaan yang tidak sewajarnya ia harus dikembalikan kepada kerajaan.

3. Menggalakkan proses asimilasi melalui perkahwinan.

Beliau menggalakkan perkahwinan antara orang Arab dengan orang bukan Arab yang bertujuan menghapuskan permusuhan di antara kedua-dua pihak. Selain itu ia bertujuan memujuk orang-orang bukan Islam memeluk Islam. Ini dapat mewujudkan persamaan hak kepada kedua-dua pihak terhadap agama dan negara.

4. Mementingkan keadilan

Hukuman berat seperti hukuman mati akan diadili dengan lebih teliti demi mengelakkan penganiayaan. Segala harta rampasan perang perlu dibahagikan secara adil kepada pihak-pihak yang sepatutnya. Beliau juga menetapkan supaya wang baitulmal tidak digunakan untuk majlis keramaian.

5. Memelihara keadilan sosial

Menghapuskan rasuah dalam jabatan-jabatan kerajaan demi menjamin keadilan sosial rakyatnya. Tindakan dikenakan terhadap pegawai-pegawai yang zalim terhadap rakyat. Masalah perkauman dalam kalangan pembesar-pembesar Bani Umayyah juga dititikberatkan.

6. Menghapuskan amalan mencaci Ali bin Abi Talib

Beliau menghapuskan amalan pencacian Ali bin Abi Talib dari atas mimbar hari Jumaat. Keluarga Saidina Ali dan orang-orang yang bersimpati dengannya tidak lagi dimusuhi.

7. Cukai tanah (kharaj) atau tanah-tanah yang diperolehi melalui penjajahan.

Tanah-tanah tersebut menjadi milik bersama orang Islam dan Kerajaan.

Cukai dikenakan ke atas hasil tanaman

Tanah Kharaj tidak boleh dijual atau diagihkan.

8. Perbezaan cukai Jizyah dan cukai Kharaj

Cukai jizyah dikenakan ke atas orang bukan Islam

Cukai kharaj dikenakan sesiapa yang memiliki tanah tidak kira Islam atau bukan Islam

Zakat dikenakan ke atas orang Islam sahaja

9. Penghapusan Majlis keramaian - Untuk mengelak pembaziran**10. Penghapusan cukai-cukai yang membebaskan.**

Cukai terhadap orang yang telah memeluk Islam telah dihapuskan. Cukai

terhadap orang Yahudi sebanyak 2000 dirham dikurangkan kepada 200 dirham.

Cukai perniagaan, cukai tanah dan zakat kepada orang-orang Islam bukan Arab.

11. Membina infrastruktur seperti membina saluran air, membuka kebun-kebun baru dan membina jalan-jalan untuk pengangkutan perdagangan**12. Memperkenalkan peraturan sukatan timbangan** bagi mengatasi masalah kemiskinan rakyatnya**13. Menggalakkan aktiviti keilmuan.**

Para ulama diarahkan agar mengembangkan ilmu masing-masing dan diberi perhatian oleh kerajaan. Antara ilmu-ilmu yang dimajukan adalah kajian hadis, ilmu tatabahasa dan perubatan.

14. Mengembalikan konsep musyawarah

15. Mengembalikan sifat zuhud pemimpin dengan mengamalkan cara hidup seperti rakyat biasa

KESIMPULAN (1 Markah)

Meskipun tempoh pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz sangat singkat namun beliau telah berjaya membawa banyak perubahan dalam pemerintahan dan pentadbiran sehingga setaraf dengan zaman Khulafa' al-Rasyidin dan mengembalikan semula kejayaan –kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan Bani Umayyah sebelum ini.

11. Bincangkan aspek kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang tokoh ketenteraan dunia.

PENDAHULUAN (3M)

1. Ketokohan nabi sebagai pemimpin bermula dengan penghijrahannya ke Madinah apabila dilantik sebagai ketua negara merangkap ketua turus angkatan negara Islam Madinah.
2. Ketokohan Nabi Muhammad dalam ketenteraan dapat dilihat dalam peperangan-peperangan (Ghazwah) yang disertai oleh baginda.

ISI JAWAPAN (7 isi x 3M = 21M)

1. Berdasarkan akidah dan akhlak mulia.

- Akidah merujuk kepada perjuangan hanya kerana Allah serta tidak takut walaupun berhadapan dengan bilangan tentera yang besar saiznya, contohnya perang Badar.
- Akhlak pula keperibadian baginda s.a.w. bukan sahaja telah menarik hati bukan sahaja di kalangan tentera Islam bahkan juga pihak lawan, contoh yang ketara ketika Perang Taif, baginda s.a.w telah memulangkan harta benda yang dipohon oleh pihak musuh sehingga mereka yang terbuka hatinya telah menerima agama Islam.

2. Pemimpin tertinggi angkatan tentera Islam.

- Baginda merupakan pemimpin tertinggi angkatan tentera Islam sesuai dengan perannya sebagai ketua negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan Madinah. Baginda bertanggungjawab mengetuai setiap akspedisi peperangan.

3. Ketegasan diri.

- Ketegasan yang ada pada Rasullullah s.a.w dapat dilihat apabila baginda enggan menarik diri walaupun menghadapi suasana yang getir. Hal ini terbukti dalam perang Badar. Walaupun bilangan tentera Islam lebih kecil berbanding tentera Quraisy Mekah, kemenangan akhirnya berpihak kepada Islam.

4. Kebolehan merangka strategi.

- Rasullullah s.a.w berkebolehan merangka strategi untuk menghadapi serangan musuh. Sepanjang peperangan yang disertai pelbagai strategi telah digunakan contohnya , taktik bertahan dengan menggali parit ketika perang Khandak.

5. Sifat mulia.

- Rasulullah s.a.w sememangnya mempunyai sifat mulia yang tiada tolak bandingannya sesuai dengan gelaran Al-Amin. Sifat ini Baginda aplikasikan di medan perang contohnya, baginda enggan menjatuhkan hukuman yang tergesa-gesa ke atas tawanan perang Badar.

6. Berfikiran kritis.

- Pemikiran kritis Rasulullah s.a.w dapat dilihat semasa Perjanjian Hudaibiah. Walaupun pada peringkat awal sahabat nabi menentang perjanjian ini, nabi telah menjangkakan kemenangan pada masa akan datang. Hal ini terbukti apabila pihak Quraisy mencabul perjanjian menyebabkan Rasulullah s.a.w bertindak membuka kota Makkah.

7. Prinsip musyawarah.

- Rasulullah menghidupkan prinsip musyawarah di medan perang dengan membuka peluang kepada rakyat memberi idea untuk menangani tentera musuh, misalnya idea menggali parit ketika menangani tentera musuh dalam perang Ahzab berpunca daripada amalan ini.

8. Motivator

- Rasulullah merupakan pemimpin hebat yang menjadi perangsang kepada pemimpin dan mujahid-mujahid seterusnya dalam menangani ancaman musuh agama dan negara.

9. Memperkenalkan semangat jihad.

- Rasulullah s.a.w telah memperkenalkan konsep jihad dalam menegakkan agama Islam terutamanya untuk menyemarakkan perjuangan tentera Islam. Jihad yang disyorkan oleh Islam bukan sahaja melibatkan kesanggupan individu mengangkat senjata tetapi juga merangkumi kesanggupan mengorbankan harta benda.

10. Memperkenalkan etika peperangan dalam Islam.

- Antaranya menawarkan tiga pilihan kepada musuh Islam iaitu menganut Islam, berdamai atau berperang
 - Tidak membunuh golongan lemah seperti kanak-kanak, wanita, tua.
 - Tidak mengejar musuh yang lari dari medan perang.
 - Menyantuni tawanan perang.
 - Berdamai jika musuh meminta damai.
 - Jangan lari dari medan perang.
 - Patuhi ketua/pemimpin.

KESIMPULAN (1 MARKAH)

Kehebatan nabi Muhammad s.a.w yang ditonjolkan di medan perang berjaya memusnahkan tentera musuh dan mencapai kemenangan yang besar. Kehebatan

baginda juga menjadi asas kepada kejayaan tentera Islam mengalahkan Rom dan Parsi pada zaman berikutnya.

12. **Institusi zakat merupakan institusi yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Jelas fungsi dan pelaksanaan zakat pada zaman Khulafa' al – Rasyidin sehingga zaman Bani Umayyah.**

PENDAHULUAN (3 MARKAH)

1. Diformulasi zakat dan sejarah penubuhan institusi zakat:
Zakat berasal daripada perkataan Arab kata zasar Zakat yang bererti Penambahan dan Penyucian. Penambahan bermaksud memberi dan menambah kemakmuran dan pahala umat Islam, pensucian bermaksud pembayaran bagi mensucikan jiwa umat Islam.
2. Sejarah Institusi zakat dilaksanakan sejak zaman Kenabian Ibrahim a.s Nabi ishaq, nabi Yaakub, Nabi Ismail dan Nabi Isa a.s. Pada permulaan Islam zakat ,mula dibayar secara suka rela oleh Bani Adhrah dari Yaman yang terkenal dengan sifat pemurah dan berbudi mulia. Pada tahun ke dua Hijrah (623 M), zakat difardhukan secara ijbari (kuat kuasa) atau ilzami (wajib) diantara bulan Syaaban hingga bulan Syawal. Keengganan membayar zakat boleh membawa kepada hukuman bunuh atau dipaksa membayar zakat oleh pemerintah.
3. Latarbelakang pemerintahan Khalifah Abu bakar:
 - Memerintah selama 2 tahun 6 bulan (632 0 634 Masihi)
 - Menghadapi ancaman gerakan Ar – Riddah.
4. Latarbelakang pemerintahan khalifah Umar Al – Khattab.
 - Memerintah selama 10 tahun 634 – 644 Masihi .
 - Melalui zaman kemakmuran semasa pemerintahannya.
5. Latarbelakang pemerintahan Bani Umayyah:
Diasaskan oleh Muaiyah bin Abi Sufian 41H/661M – 132H/750M
Pusat pentadbiran di Damsyik,Syria

ISI JAWAPAN (– ISI PENTING.

A. Fungsi zakat: (4 isi x 2 markah = 8 markah)

1. Mendatangkan kesyukuran atau penyuburan pahala.
2. Mensucikan jiwa daripada kekotoran dosa.
3. Mendamaikan atau mengwujudkan kedamaian (al – salah).
4. Mendekat atau merapatkan jurang kekayaan dikalangan masyarakat Islam.
5. Menyemai semangat bertanggungjawab untuk tolong menolong.
6. Mengikis sifat tamak dalam pemilikan harta.
7. Membuktikan semangat sifat metaati hukum & perintah Allah.
8. Memperolehi keberkatan.

B. Pelaksanaan zakat zaman Khulafa' (3 isi x 2 markah = 6 markah)

Perlaksanaan institusi zakat pada zaman khalifah Abu Bakar Al – Siddiq dan Khalifa Umar bin Al – Khatab.

1. **Penubuhan institusi Baitulmal** yang menguruskan pentadbiran harta negara, harta masyarakat dan harta umum menghasilkan zakat. Operasi secara rasmi berlaku pada zaman Khalifah Umar Al – Khatab.
2. Perlantikan 'Amil' yang melaksanakan urusan pemungutan dan menguruskan zakat daripada pihak yang layak berzakat mengikut ukuran atau kadar nisab tertentu.
3. Membahagikan jenis zakat kepada dua iaitu : zakat harta dan zakat fitrah.
4. Melaksanakan pemungutan zakat secara tegas sebagai menegakkan hukum. Khalifah Abu Bakar memerangi golongan al – Riddah yang engakr membayar zakat. Dari segi syarak, pembayaran zakat adalah wajib keatas harta apabila cuku syaratnya (sampai nisabnya dan genap haul (tahun / masa).
5. Menyalurkan hasil pembayaran zakat kepada 8 asnaf iaitu golongan yang layak menerima antaranya:
 - a. Fakir Miskin
 - b. Orang musafir.
 - c. Amil.
 - d. Muallaf
 - e. Hamba yang hendak memerdekakan dirinya.
 - f. Orang yang berhutang
 - g. Orang yang berjihad
 - h. Orang yang merantau (ibnu sabil) dan kehabisan wangnya semasa dalam perjalanan yang bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak (termasuk mencari rezeki yang halal dan menuntut ilmu)
6. Kutipan zakat dan cukai akan bertambah semasa pemerintahan Umar Al – Khattab kerana beliau banyak melakukan ekspedisi ketenteraan dan penyebaran Islam.

C. Perlaksanaan zakat zaman Bani Umayyah(3 Isi x 2 markah = 6markah)

Menonjol ketika pemerintahan Umar bin Abdul Aziz. Beliau telah mengembalikan institusi zakat dalam bentuk asalnya dan ditakbir dengan baik dan sistematik.

Antaranya,

1. Melantik amil untuk memungut zakat di bahagian – bahagian yang berbeza mengikut ukuran nisab tertentu.
2. Menggalak umat Islam bekerja keras dan bermuafakat sehingga muncul Masyarakat yang makmur kerana tiada seorang pun yang layak menerima zakat Pada zamannya.
3. Membahagikan lima jenis zakat dan kadarnya iaitu:
 - Zakat emas dan perak
 - Zakat binatang ternakan seperti kambing, unta dan lembu
 - Zakat perniagaan
 - Zakat galian dan harta yang tertanam
 - Zakat tanaman dan buah – buahan
4. Menentukan lapan golongan yang berhak atau yang layak menerima zakat :
 - Fakir
 - Miskin
 - Amil
 - Muallaf
 - Hamba yang hendak memerdekakan diri
 - Orang berhutang
 - Orang yang berjihad
 - Musafir
5. Menubuhkan Diwan al- Kharaj untuk melicinkan tugas pungutan cukai dan zakat dan mengeluarkan perbelanjaan Negara.

KESIMPULAN (2 markah)

Perlaksanaan institusi zakat pada zaman Umar al – Khattab menjadi asas perlaksanaan zakat hingga ke hari ini. Perlaksanaannya yang diuruskan secara terpinpin akan membawa kemurnan dan kesejahteraan ummah.

13. Huraikan institusi dan kurikulum pendidikan pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah.

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Kerajaan Bani Abbasiyah berkuasa selama 5 kurun (132 – 565 Hijrah /750 – 1258 Masihi) diperintah oleh 37 orang Khalifah. Bermula daripada Khalifah Abu Abbas as – Saffah dan berakhir dengan Khalifah al – Musta'sim al – Mastansir yang dibunuh oleh tentera Monghul pada tahun 56Hijrah/ 1258 M.
2. Zaman kekuasaannya mencakupi hampir seluruh zaman keemasan islam kerana zaman kemas Islam bermula pada abad ke – 7 masihi hingga abad ke – 13 masihi. Pada zaman Abbasiyyah ini tamadun Islam telah mencapai kemajuan yang amat gemilang sekali. Sumbangannya yang terpenting ialah dibidang pendidikan.
3. Pada zaman kekuasaannya telah wujud satu sistem pelajaran dan pendidikan Islam yang teratur meliputi peringkat rendah, menengah dan tinggi.
4. Tempoh pemerintahan Khalifah Harun Al – Rashid dan Al – makmum merupakan zaman kemuncak kemajuan dibidang pendidikan di dunia Islam. Sistem pendidikan Islam dilaksanakan di kuttab, Masjid dan madrasah.

ISI JAWAPAN (7isi X 3 markah = 21 markah)

1. INSTITUSI DI ZAMAN BANI ABBASIYAH:

1. **Masjid** menjadi pusat pendidikan utama bagi pelajaran rendah, menengah dan tinggi. Menjadi tempat utama mempelajari Al – Quraan, hadis dan Fiqh, contohnya di Basra. Masjid digunakan sebagai kelas pengajian tafsir, hadis dan fiqh dan lain – lain. Pelajara jang menghadiri kelas berkenaan terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan negara serta hartawan. Masjid juga menjadi tempat majlis muzakaarah – majlis perbincangan dan perbahasan tentang isu semasa. Ahli panelnya terdiri daripada para ulama, sarjan, ahli fikir dan para pujangga dan lain – lain.

2. **Kuttab atau pondok** juga merupakan institusi pengajian diperingkat permulaan kurikulum yang terdapat di kuttab ini ialah pengajian Al – Quraan, hadis, seni khat, nahu, arab, kesusasteraan, sirah rasullah, membaca, menulis puisi dan imu nisab.
3. **Sekolah – sekolah tinggi** dibina pada zaman pemerintahan Nizam al – Mulk (456 – 485 H). Sekolah ini dikenali dengan nama Madrasah telah didirikan di beberapa bandar seperti Baghdad, Tabaaristan, haran, Naishabur, Isfahan, Basrah. Kedudukan madrasah lazimnya bersebelahn masjid. Peringkat menengah dan tinggi, kurikulum yang diperkenalkan adalah merupakan lanjutan daripada kurikulum peringkat rendah iaitu ilmu tafsir, hadis, kalam, tasauf, bahasa, usul fiqh dan sebagainya.
4. **Istana Khalifah** juga merupakan salah satu institusi pendidikan. Para cendikiawan telah memenuhi istana Khalifah sehinggakan khalifah sendiri menjadi orang yang berpengetahuan dan mencintai ilmu.
5. Pada zaman khalifah al – Mastansir, **sebuah maktab** yang dinamakan al – Mustansiriah telah dibina di Baghdad. Antara perkara yang diajar di sini ialah empat mazhab Fiqah, iaitu Shafiee, Maliki, Hanafi dan Hambali. Tenaga pengajarnya diberi gaji dari Perbendaharaan Negara. Manakala pelajarinya pula tidak dikenakan sebarang bayaran, sebaliknya mereka diberikan biasiswa untuk meneruskan pengajiannya. Maktab ini juga mengajar ilmu mantiq, falsafah, kesusasteraan, sejarah, seni muzik dan seni bina. Pada zaman ini institusi pendidikan lebih mendahului institusi pendidikan barat.
6. Pada tahun 1065, Khlaifah al – Makmum telah menubuhkan **Universiti Nizamiyah** di Baghdad, Universiti ini menjadi pusat pengajian formal yang mengajar mata pelajaran seperti sains, matematk. astronomi, geografi dan perubatan.
7. Terdapat **perpustakaan** yang agung dikenali sebagai Baitul – Hikmah yang menguruskan aktiviti pengumpulan, menyimpan dan meminjam buku. Institusi ini jua mengadakan kegiatan penterjemahan buku dalam bahasa Yunani, Parsi, Rumawi dan Hindi ke dalam bahasa Arab.
8. **Peringkat pengajian** : rendah, menengah dan tinggi.
9. **Matapelajaran** : ilmu agama dan akedemik.
10. **Teks** : al – Quraan, hadis, kitab empat mazhab, buku terjemahan dan karya – karya utama.
11. **Kaedah pengajaran** : hafalan, perbincangan, kuliah dan lawatan.
12. **Kaedah penilaian** : peperiksaan secara tulisan dan lisan, memberi tauliah.

KESIMPULAN (1 markah)

Dalam zaman ini muncul ramai cerdik pandai islam seperti Al – Kindi, al – farabi, Abu Hanifah, Malik bin Abas, Imam Syafie, Imam Ahmad bin Hanbal, Al – Bukhari, Al – Muslim yang terkenal didalam bidang Fiqh. Tokoh dalam bidang perubatan seperti Ibnu Sina, Al – Razi dan sebagainya.

14. Jelaskan bidang seni khat sebagai satu cabang kesenian dalam tamadun Islam.

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Kaligrafi berasal daripada perkataan Latin iaitu ”**kalios**” yang bererti indah dan ”**graph**” pula membawa maksud tulisan atau aksara. Kaligrafi juga dikenali sebagai seni khat.
2. Khat adalah perkataan bahasa Arab yang membawa maksud **garis indah** atau boleh dikatakan sebagai **garisan indah** jika dinisbahkan kepada seni khat.
3. Istilah kaligrafi digunakan untuk semua jenis tulisan manakala istilah khat pula merujuk kepada tulisan al-Quran dan tulisan Arab.
4. Oleh itu seni khat adalah seni tulisan indah yang memiliki nilai-nilai kehalusan dan kesenian bahkan tulisannya seolah-olah mempunyai irama.

ISI JAWAPAN (5 isi x 4 m = 20markah)

1. Sejarah perkembangan seni khat.

- Lahir serentak dengan kelahiran Islam. Wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dicatat oleh sahabat pada daun2 kayu, tulang-tulang dan sebagainya. Ini bererti seni khat diperlukan untuk mengabadikan ayat-ayat al-Quran ke bentuk tulisan
- Semenjak zaman Rasulullah hingga sekarang berkembang dengan pesat dan cemerlang. Perkembangan seni khat diabadikan pada bangunan masjid, istana, rumah dsb. Ahli khat bukan sahaja terdiri daripada bangsa Arab tetapi merangkumi pelbagai bangsa termasuklah Parsi, Turki, India, Sepanyol, Afrika, Melayu dll.
- Terdapat beberapa pendapat yang membicarakan asal usul khat. Secara umumnya seni khat adalah sebagai anugerah Allah swt kepada umat manusia.
- Ibn Khaldun telah menyatakan bahawa khat lahir pada zaman kerajaan Saba’ dan Himyar.
- Ada pendapat menyatakan seni khat berasal dari Heart dan akhirnya ke Hijaz.
- Ada pula menyatakan ia berasal daripada Finiqi yang diambil daripada huruf Mesir purba. Dan juga menyatakan berasal daripada tulisan Nabati (Aramai).

- Kebanyakan ahli sejarah bersetuju bahawa seni khat berasal daripada tulisan Nabati melalui dua bentuk jalan;
 - Jalan dekat – dari Nabati ke Batra ke Ula, ke Madinah dan ke Makkah
 - Jalan jauh – dari Harran ke lembah Furat, ke Daumatul Jandal, ke Madinah, ke Makkah dan ke Taif.
- Pada zaman Khulafah Umar al-Khatib penyebaran tulisan Arab berlaku dengan pesat seiring dengan misi peluasan negara Islam oleh beliau. Zaman Khalifah Ali Abu Talib bandar Khufah muncul sebagai pusat perkembangan seni khat Islam. Khat tertua masa itu ialah khat Kufi yang mengambil sempena nama bandar Kufah.

2. Jenis- jenis khat

- Seni khat berkembang pesat pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyah. Pada zaman ini terdapat 12 jenis seni khat iaitu khat kufi (khat tertua), nasakh, thuluth, rihan, muhaqqaq, tauqi', riq'ah, diwani, ta'liq, nasta'liq, farisi dan diwani jali.
- **Khat kufi** – diperkenalkan oleh al-Dhahaq bin Ijlan di Khufah. Digunakan sebagai hiasan pada pelbagai bangunan seperti masjid, kubah, menara, dan rumah-rumah. Khat paling popular.
- **Khat Thuluth** – dihasilkan oleh Ibrahim al-Syujairi. Khat ini banyak digunakan untuk hiasan dalam mashaf uthmani, nama-nama kitab (buku).
- **Khat Nasakh** – khat yang popular dalam penulisan kitab-kitab agama kerana mudah dibaca, hurufnya jelas, dan tidak mengelirukan pembacanya.
- **Khat Farisi** – khat yang berkembang di Parsi. Khat yang lebih berseni. Banyak digunakan pada penulisan buku sastera, nama dan tajuk karangan pada majalah dan akhbar.
- **Khat Riq'ah** – khat yang mudah ditulis dengan cepat. Banyak digunakan oleh penuntut/ pelajar dan untuk tujuan surat-menyurat.
- **Khat Diwani** – khat yang berkembang meluas di Mesir. Khat ini lebih merupakan khat hiasan. Digunakan untuk penulisan surat-menyurat rasmi seperti surat perjanjian dsb.
- **Khat Diwani Jali** - Dhasilkan oleh Ibrahim al-Syujairi bersama-sama dengan khat thuluth. Khat ini lebih rumit penulisannya tetapi cantik tulisannya. Digubah dalam pelbagai bentuk seperti perahu, pokok, ikan dsb.
- **Khat Rihan** – khat yang hampir menyerupai khat jenis thuluth. Bezanya ialah huruf-hurufnya agak lebar dan panjang.

3. Kaedah penulisan khat

- **Syeikh Abu Haiyan Ali bin Muhammad al-Abas al-Baghdadi** telah mencatat cara bagaimana menghasilkan khat yang baik. Antara kaedah itu ialah;
 - Mesti menggunakan **qalam** (kayu yang dijadikan pensel) yang baik seperti cukup tua, kering, hempulurnya liat, dan batangnya berat.
 - **Tahqiq** – ketepatan, bentuk yang tersendiri pada huruf yang berkait atau tidak, panjang pendek.
 - **Tahwiq** – melindungi bahagian depan, tengah, dan ekor, dan huruf-huruf yang serupa supaya hasilnya bertambah cantik apabila dilihat.
 - **Takhriq** – menghembus, membuka lengkung-lengkuk, dan huruf yang serupa supaya menampakkan susunan yang padu dan estetik.

- **Ta'riq** – membentuk huruf dan saumpamanya yang terjadi di hujung perkataan supaya berupa seolah-olah ditenun dengan kek yang satu
- **Tasyiq** – memotong dan menjaga lengkungan dan huruf yang serupa.
- **Tawfiq** - kesesuaian menyusun huruf, menjaga garisan supaya lurus pada permulaan, pertengahan, hujung, atas dan bawah dalam keadaan tenteram dan menjauhi pertelingkahan.
- **Tanmiq** – menghiasi, menjaga kebersihan dan susunan huruf supaya elok teratur dan seimbang posisinya.
- **Tadfiq** – ketepatan, menandakan hujung huruf dengan cara ditekan dalam satu dikurangkan tekanan iaitu untuk menambah keindahan, kemegahan, kekilaan, dan kecemerlangan huruf.
- **Tafriq** – bahagian, menahan huruf daripada masuk ke bahagian lain dan menyebabkan bercampur aduk yang menghilangkan nilai estetikanya.

4. Tokoh-tokoh seni khat

- Seni khat popular di Baghdad pada zaman Bani Abbasiyyah. Kemudian diambil alih oleh orang Mesir, Turki, dan India.
- Beberapa tokoh-tokoh terkenal seperti;
 - **Ibrahim al-Syujairi** - menghasilkan khat jenis al-Jalil, al-thuluthian dan al-thuluth..
 - **Yusuf al-Syujairi** – menghasilkan khat jenis al-Riyasi
 - **Muhammad bin Muqalam** – menteri Bani Abbasiyyah yang mahir dalam khat jenis al-duri
 - **Al-Hasan al-Naqulah** – mahir dalam khat nasakh
 - **Muhammad al-Samsuri dan Muhammad Asad** – kemahiran dalam khat jenis nasakh dan tauqiq'qh.
 - **Abu Hasan Ali bin Hilal atau Ibnu Bawwah** – pakar dalam memperlengkapkan lagi kaedah penulisan khat.
 - **Syeikh Jamaluddin Yaqut al-Mustakami** – pakar khat di baghdad.

5. Perkembangan seni khat di Alam Melayu.

- Kedatangan seni khat ke Alam Melayu serentak dengan kedatangan agama Islam. Ia bertanggungjawab dalam memperkenalkan tulisan jawi. Tulisan jawi merupakan tulisan abjad Arab yang disesuaikan dengan keperluan sebutan bahasa Melayu dengan ditambah 4 huruf iaitu nya, ga, nga,dan ca.
- Khat tertua di Tanah Melayu ialah khat yang ditulis pada Batu Bersurat yang dijumpai di Kuala berang, Terengganu bertarikh 1303M
- Seni khat diukir pada batu nesan dengan ayat-ayat al-Quran.Contoh batu nesan Fitimah bt Maimun di Leran Jawa Timur (1082M) batu nesan di hanrang Kemboja (1039M) dan batu nesan di Teluk Che Munah Pekan Pahang (1420M).
- Seni khat diabadikan di atas duit syiling seperti pada zaman kerajaan Melaka semasa pemerintahan Sultan Muzafar Syah (1455 -1459M) dan Sultan Jalil Syah di Riau pada 1632 – 1677M
- Selain itu seni khat ditulis pada cop mohor kerajaan, cokmar, pingat dan bintang kebesaran kerajaan. Ia juga diabadikan di tenunan kain songket.

6. Fungsi dan kepentingan seni khat

- Seni khat digunakan untuk menulis ayat-ayat suci al-Quran dalam bentuk yang paling indah. Di tulis pada kertas, dinding2 bangunan, tembikar, logam, kaca, kain dsb. Ia sebagai hiasan bangunan seperti masjid, makam diraja, istana. Bangunan termasyhur dihiasi khat seperti Masjid Jamek Isfahan Iran dan Istana al-Hamra Granada Sepanyol.
- Peningkatan tamadun kerana seni khat merupakan hasil masyarakat yang maju dengan kelembutan jari, kehalusan pemikiran serta cita rasa yang tinggi.

Sayidina Ali Abu Talib pernah berkata:

"Serikan anak-anak mu dengan ilmu seni tulis kerana tulisan merupakan perkara yang paling mustahak dan menyeronokkan"

- Sebagai sumber pendapat umat Islam kerana sabda Nabi Muhammad SAW
"Hendaklah kamu mengindahkan seni khat kerana mengindahkan seni khat antara kunci sumber rezeki"
- Kemampuan dan kebolehan menggunakan tulisan khat dengan sendirinya seseorang itu akan dapat membaca dan menulis ayat-ayat suci al-Quran dengan baik.
- Seni khat adalah warisan kesenian Islam yang dipraktikan bersama-sama turunya wahyu Allah kepada Rasulullah SAW.

KESIMPULAN (2 markah)

Bidang kesenian khat telah memperkayakan khazanah kesenian Islam yang indah dan halus berpaksikan keesaan Allah s.w.t. serta berjaya menyumbang kepada ketamadun Islam yang berkembang bukan sahaja di Semenanjung Tanah Arab bahkan seantero dunia.

15. **Bincangkan sumbangan Sulayman al-Mahri dan Marco Polo dalam bidang pelayaran dan geografi.**

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Beliau berasal dari keturunan Arab Selatan iaitu dari kawasan Hadrilmaut. Beliau hidup pada pertengahan awal abad ke 10 H (16M). Beliau banyak membuat catatan pengembaraan di serta laut yang terkenal di dunia dan menulis pengalamannya dalam beberapa risalah pada awal abad ke 16 Masihi.
2. Vasco Da Gama dari Portugal menggunakan lautan yang digunakan oleh Sulaiman untuk menuju ke timur, Vasco da Gama menyusuri Lautan Atlantik hingga sampai ke Tanjong Harapan, naik ke utara menyusuri pantai Afrika hingga sampai ke Mozambique. Dari Mozambique Vasco da Gama menggunakan khidmat Ibnu Majid untuk membawa kapal mereka merentasi Lautan Hindi selama 22 hari sahaja untuk sampai ke Calicut, India.

ISI JAWAPAN

Sumbangan Sulayman Al-Mahri dalam bidang pelayaran. (5 isi X 2 markah = 10 markah)

1. Pelayaran pertama beliau adalah di Lautan Hindi menuju ke Lautan Pasifik, Selat Bering, Lautan Artik, Lautan Atlantik dan akhirnya memasuki Mediterranean melalui Selat Gibraltar.
2. Belayar dari Lautan Hindi menuju ke pantai Habsyah, Monzambique, Tanjong Harapan melalui Lautan Atlantik, kemudian memasuki Mediterranean ke Selatan Gibraltar.
3. Beliau juga menghasilkan **lima risalat penting** seperti berikut :
 - *Kitab Tuhfat al-Futuk fi Tamhid al-Usul* menerangkan tentang astronomi, sains nautikal bentuk sfera bumi, bintang, pelayaran di laut dan seni ilmu pelayaran. Ia mengandungi tujuh bab : Bab 1 menjelaskan tentang cekerawala dan bintang. Bab 2 tentang bulatan nautika. Bab 3 berkaitan pelayaran di laut. Bab 4 menerangkan tentang dua pelayaran di laut iaitu mengikut garis pantai atau mengharungi lautan dalam. Bab 5 berkaitan kegunaan garis bintang lintang bagi menentukan garis lintang sesebuah pelabuhan. Bab 6 pula tentang pengiraan jarak antara dua pelabuhan dan bab 7 berkaitan perihal angin.

- *Al-Umat al-Mahriyyah fi Dabt al-Ulum al-Bahriyyah* menerangkan tentang jarak antara bintang-bintang dan khatulistiwa, nama bintang-bintang, laluan jalan laut di sepanjang pantai, Angin monsun yang berlawanan di pantai barat dan pantai timur India serta Burma dan Malaya, laluan menuju ke Hija-hija dan selatan Arab, laluan ke Madafascar dan Kepulauan Maldives, Andaman, Sri Langka, Melaka, Celebes, Banda dan Borneo, Laluan pelayaran ke pulau-pulau di sepanjang pantai Arab dan Afrika, Gujerat, Malabar, Calicut dan Melaka dan catan sepuluh perkara merbahaya yang harus dielakkan oleh para pelayar.
- *Kitab al-Minhaj al-Fakhir fi ilm al-Bahr al-Zakhir* mengandungi lima bab iaitu bab 1 tentang laluan laut ke pantai Arab, Makran, Sind, Gejerat, Somali, Afrika Timur, Bengal, Siam, Mala, Melaka, Indo-China, barat China dan beberapa laluan Laut Tinggi. Bab 2 menjelaskan bahagian latitud yang didiami. Bab 3 berkaitan tentang pulau-pulau besar seperti Madagascar, Borneo, Sumatera, Bonda, Melaka, Maldives, Caylon dan Jawa. Bab 4 menerangkan tentang jarak diantara Arab dan barat India, Teluk Benggala, pantai timur Afrika dan pelabuhan-pelabuhan di Sumatera, Jawa dan Bali. Bab 5 pula tentang penemuan baru di barat India, pantai Arab dan timur Afrika.
- *Qiladat al-Shumus fi 'ilm al-Tarikh* menjelaskan tentang prinsip dan asas pembahagian tahun, tentang bulan, matahari dan bintang, takwim mazhab kristian di Mesir, tentang tahun Parsi dan tentang era sains.
- *Kitab Sharh Tuhfat al-Fuhul fi tauhid* menerangkan tentang langit yang berbentuk sfera dan bintang-bintang, jalan laluan di laut tinggi, tinggi muka bumi dan paras laut dan pergerakan angin

Sumbangan Marco Polo dalam bidang pelayaran (5 isi x 2m = 10 markah)

Penemuan – penemuan Marco Polo dapat memberi sumbangan kepada;

1. **peningkatan ilmu Geografi.** Bukunya *The Travels of Marco Polo* menjadi sumber rujukan banyak negara di Eropah terutamanya Portugal dan Sepanyol. Penterjemahannya dibuat ke dalam bahasa Latin, Jerman, Sepanyol dan Inggeris. Buku ini juga mengandungi maklumat tentang merentasi lautan Atlantik pada tahun 1494 Masihi.
2. *The Travels of Marco Polo* berjaya mencetuskan imiginasi dan mengubah prespektif mental orang Eropah. Ia telah mencetuskan suatu revolusi dalam pemikiran dan konsep geografi yang membawa kepada penghasilan **peta – peta** saintifik yang jauh lebih tepat daripada Ptolemy.
3. kekayaan negara China, saiz negara serta jiran –jirannya yang terkaya.
2. Mencetus dan menggalakkan dalam pengembaraan khususnya penerokan Portugal dan Sepanyol. Buku Marco Polo dijadikan garis panduan untuk mendorong pengembara dan Mubaligh Eropah seperti Christopher Columbus mencari jalan laut ke China dengan

- 3 Penemuan dan penulisan Marco Polo telah membawa perubahan besar dan membuka mata orang Eropah dalam menggalakkan semangat baru kepada pengembaraan dari Portugal dan Sepanyol seperti Henry The Navigator menjelajah ke kawasan di luar Lautan Mediteranean..
- 4 Karyanya *The Book of Marco Polo* memberi maklumat kepada orang Eropah tentang **keajaiban hal-hal ketimuran** termasuk tentang penggunaan asbestos , pembakaran arang, penggunaan wang kertas dan kemajuan pencetakan. Kesemua maklumat ini mempengaruhi masyarakat Eropah dalam usaha mengembangkan institusi kewangan di Eropah.
- 5 Penemuan Marco Polo telah mempercepatkan hubungan antara Eropah dengan Negeri China. Mubaligh – mubaligh Khatolik dan saudagar – saudagar Itali telah banyak melawat negeri China. Antaranya ialah Giovanni de Montecorvino, Marignolli dan Pegolotti. Orang Eropah juga menjelajah lebih jauh sehingga sampai ke kawasan Asia Tenggara.
- 6 Hubungan yang erat juga memperkenalkan budaya masyarakat Eropah konsep percetakan, penggunaan kertas dan terutamanya konsep wang kertas. Maklumat ini juga mempercepatkan lagi pertumbuhan dan **perkembangan ekonomi** kewangan bertujuan eksport di kawasan Eropah barat.

KESIMPULAN (2 markah)

Konklusinya, Sulaiman al-Mahri dan Marco Polo telah berjaya memberi suatu asas kepada masyarakat dunia untuk melangkah ke arah lebih maju dan bertamadun khususnya dalam bidang pelayaran dan geografi.

16. Pertembngan antara tamadun Islam dengan tamadun Eropah telah memberikan sumbangan yang besar dalam pencapaian tamadun Dunia. Jelaskan bagaimana pertembungan tamadun tersebut.

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Sebelum kedatangan Islam orang Arab dikenali sebagai pedagang yang aktif. Mereka telah berjaya menguasai perdagangan di Lau Merah, terutama zaman kemerosotan kuasa Rom pada abad ke – 4 Masihi.
2. Pedagang Arab telah menguasai laluan rempah di Teluk Parsi yang sebelum ini dikuasai oleh orang Sasania (224 – 651 Masihi).

ISI JAWAPAN (7 isi X 3 markah = 21 markah)

Pertembungan tamadun Islam dengan tamadun Eropah berlaku menerusi hubungan perniagaan, peperangan, penaklukan, hubungan diplomatik, kebudayaan dan pusat pengajian.

1. Hubungan perniagaan/perdagangan.

Orang Islam Arab dan Parsi telah menguasai perdagangan melalui laluan rempah. Orang Eropah membeli barang – barang timur daripada orang Islam melalui pelabuhan Venice dan Genoa. Kesannya ialah:

- a. Kapal Caravel Portugis menyerupai baghlar Arab (layar tiga segi). Rekaan kapal orang Portugis mempengaruhi kapal – kapal orang Islam (belakang berbentuk empat segi).
 - b. Ilmu Geografi, Atlas Partolan dan kompas digunakan oleh orang Islam telah mempengaruhi ilmu pelayaran barat.
 - c. Pelayaran Vasco Da Gammad, melintasi Lautan Hindi dibantu oleh seorang pemandu berbangsa Arab.
- 2. Penaklukan.**

Pertembungan tamadun tersebut adalah kesan daripada perluasan kuasa Kerajaan Bani Umaiyyah ke Afrika Utara dan Sepanyol dan kerajaan Turki ke atas Eropah Timur dan Constantinopel. Penaklukan tersebut menyebabkan berlaku interaksi dan asimilasi antara orang Islam dengan orang Eropah.

- a. Penggunaan senjata meriam oleh tentera Islam dalam pertempuran di Tarig (Sepanyol) mempengaruhi peperangan di Eropah Utara (Crecy, Peranchis) pada tahun 1346.
- b. Pembinaan bandar Cordova (Sepanyol) adalah kota yang tercantik dan dilengkapi dengan masjid, perpustakaan dan kemudahan awam.
- c. Penaklukan Islam ke atas tanah jajahan Rom (Afrika Utara) dan Parsi telah mempengaruhi perkembangan ilmu dan intelektual islam.

3. Peperangan (Perang Salib)

- a. Orang Eropah menyerang pihak Islam bermula pada tahun 1095 hingga 1291 masihi.
- b. Perang Salib merupakan saluran perpindahan ilmu pengetahuan Islam ke Eropah.
- c. Ilmu tentang peralatan perang pembinaan tembok dan strategi peperangan dipelajari oleh orang – orang Eropah.

4. Hubungan diplomatik zaman Abbasiyah bermula ketika Khalifah harun Al – Rashid.

- a. Orang Barat mendalami karya Yunani dan India melalui penulisan yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan Parsi.
- b. Mereka menterjemahkan penulisan Islam dari semua bidang ilmu ke dalam bahasa Latin.
- c. Melahirkan pemikir – pemikir Eropah yang dipengaruhi oleh ilmu pengetahuan dalam tamadun Islam seperti Tycho Brake, Johannes Keples, Antorio Fiore dan F. Rosen.
- d. Orang Barat terdedah dengan kebudayaan, politik, ekonomi dan sosial yang diamalkan oleh negara Islam. Ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat di Eropah. Pembinaan Hospital Les Quinze – Vight di Paris adalah di pengaruhi oleh Hospital Sultan Nuruddin di Damsyik.

5. Sistem Pendidikan.

- a. Cordova telah menjadi pusat ilmu pengetahuan Islam di Eropah. Universiti perpustakaan oleh negara Islam untuk membolehkan orang Eropah mendalami ilmu pengetahuan Islam. Adelard, marley dan Leonardo Fibanacci mendapat pendidikan di Sepanyol (zaman Islam).
- b. Selepas kejatuhan kerajaan Islam di Sepanyol pusat pengajian Islam ditubuhkan untuk menyebarkan pengetahuan Islam. King Henry I telah menubuhkan Perguruan Tinggi untuk menyebarkan pengetahuan Islam. Sekolah untuk mendidik Oreantalis Barat telah didirikan di Toledo (1250 Masihi). Abelord of Bath ialah ahli falsafah dan matematik yang mendapat pendidikan di Toledi.
- c. Di Sicily, King Roger I telah mendirikan Sekolah Hukum di Naples dan Amalfi. King Frederick II menggalakkan orang – orang Sicily mempelajari Ilmu Islam dan bahasa Arab.

6. Kegiatan Penterjemahan (berlaku dalam dua peringkat):

- a. Ilmu pengetahuan Yunani banyak mempengaruhi perkembangan intelektual Islam melalui penterjemahan karya – karya Yunani terutama pada zaman Abbasiyyah. Sekolah tinggi penterjemahan telah ditubuhkan oleh Khalifah Al – Makmum. Dengan kegiatan ini, sebahagian besar buku perubatan Galen dan Hippocrates, falsafah Plato dan Arsitotle diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Penterjemahan yang terkenal ialah Husain bin Ishak, Qusta bin Luqas dan Thabit.
- b. Di zaman Renaissance, banyak karya Islam dalam pelbagai bidang diterjemahkan ke dalam bahasa Latin. Buku Falsafah ditulis oleh Ibnu Rusyd dan Ibnu Sina. Matematik ditulis oleh Nasuruddin, Tusi dan al – Khawarizmi . Astronomi ditulis oleh Abu Masyr dan al – Bottani. Buku – buku itu diterjemahkan dan menjadi rujukan kepada pemikir Eropah. Di Sicily, King Frederick II telah menggalakkan buku – buku arab diterjemahkan ke dalam bahasa Latin. Micheal Scott merupakan penterjemah yang banyak memberi sumbangan dalam bidang ini.

7. Penubuhan Kerajaan Islam.

- a. Penubuhan Kerajaan Islam bani Umaiyyah di Afrika Utara dan Sepanyol menyebabkan berlaku pertembungan tamadun Islam dengan Eropah. Orang Islam telah sampai ke Sicily, Portugal dan Selatan Peranchis melalui Laut Mediterranean. Negara – negara tersebut merupakan jambatan yang menghubungkan tamadun Islam dengan Eropah.

KESIMPULAN (1 markah)

Kesimpulannya, pertembungan dua tamadun besar dunia telah memajukan pencapaian tamadun manusia dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan ilmu pengetahuan.